

"PERLU beta sebutkan di sini, bahawa agama Islam adalah jaminan keselamatan untuk semua, yang tidak mengira apa jua warna kulit dan kaum. Ia juga telah berjaya pada menyediakan landasan yang kukuh lagi kuat untuk pembentukan Negara Brunei Darussalam yang bahagia lagi sejahtera dengan segala isi dalamnya."  
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1411 pada 23 Julai 1990.



"DAN Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku."  
- (Firman Allah dalam Surah Adz-Dzaariyaat, ayat 56).

# Tradisi menyambut Maulidur Rasul membawa keberkatan

## Semarak kemeriahan BSB bermula 25 Disember 2015

Siaran Akhbar  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 16 Disember. - Sempena musim cuti persekolahan ini Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) dengan kerjasama 'Event Management' akan mengadakan pelbagai aktiviti dan jualan bagi sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan suasana pusat bandar.

Jualan dan aktiviti tersebut akan diadakan di Dermaga Diraja BSB bermula pada hari Jumaat, 25 hingga 27 Disember 2015.

Antara aktiviti yang disusun ialah gerai jualan, gerai makan, Jualan 'Back To School', Pertunjukan Kucing, Pertandingan DJ / Pengacara; Permainan 'Air Wheel', 'Photo Booth', Pertandingan Membuat Teh Tarik, Pertandingan Membuat Roti Canai, Pertandingan Permainan Tradisional seperti Permainan Pasang dan Congkak, Rumah Reptilia, Permainan Tamiya dan bermacam-macam lagi aktiviti dan permainan yang menarik untuk pengunjung.

Aktiviti dan jualan ini diadakan mulai hari Jumaat, 25 Disember 2015 pukul 2.30 petang hingga 10.00 malam, sementara hari Sabtu, 26 Disember dan Ahad, 27 Disember 2015 akan bermula pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam.

Pengunjung juga berkesempatan membuat aktiviti permainan 'Z-Tricycle' pada malam Ahad, 27 Disember 2015 dengan menggunakan Jalan McArthur dan sebahagian Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin bagi menikmati suasana malam di pusat bandar.

Orang ramai dipersilakan dan dialu-alukan untuk berkunjung ke gerai jualan bersama keluarga yang mana, di samping gerai jualan, terdapat juga bermacam-macam pertunjukan dan permainan.

Bagi yang berminat untuk menyertai gerai jualan bolehlah mendapatkan borang penyertaan di Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan Jabatan Bandaran BSB, Jalan Perdana Menteri bermula 14 Disember 2015 hingga 21 Disember 2015 pada waktu bekerja.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman memberikan ucapan nasihat semasa sesi Taklimat Ketua-Ketua Pasukan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Multaqa, Bangunan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 17 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan, Sambutan Maulidur Rasul dapat bertahan dengan baik dan masih giat diteruskan dari generasi ke generasi adalah kerana ia menunjukkan keyakinan yang kuat dalam kalangan generasi Islam pada masa dahulu dan sekarang dalam keagamaan.

Kata Yang Berhormat, tambahan didorongi oleh suatu pengajaran dalam agama bagi memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah selaras dengan kehendak-kehendak dalam ajaran Islam untuk memuliakan Baginda Rasulullah sebagaimana Allah mengangkat darjat dan memuliakan Rasulullah.

"Kemuliaan memberikan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan para malaikat itu maka disuruh juga kita sebagai umat Islam apabila nama Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam disebut maka kita pun akan menyebut selawat ke atas Baginda Nabi dan selawat yang diucapkan itu mendapat ganjaran pahala dan inilah yang menjadi keyakinan yang memotivasikan dan mendorong untuk sambutan ini diadakan dari generasi ke generasi mendatang," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan perkara itu pada perjumpaan dan taklimat berhubung dengan sambutan peringkat negara bersama wakil ketua-ketua pasukan di Dewan Multaqa, Bangunan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Maka Negara Brunei Darussalam ujarnya, dengan keyakinannya melaksanakan dan meneruskan tradisi sebegitu bagi semata-mata mendapatkan ganjaran rahmat dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana rakyatnya hidup aman tenteram di bawah kepimpinan raja yang berdaulat.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat turut mengingatkan dan menasihatkan kepada para peserta perhimpunan untuk tidak melengah-

lengahkan masa untuk berada di dalam padang sekurang-kurangnya 30 minit sebelum acara keberangkatan kerabat diraja berlangsung, ianya bagi memudahkan pihak jawatankuasa untuk mengatur dan mengemaskan lagi atur cara yang sedia ada serta bagi mengelak sebarang permasalahan yang mungkin berlaku.

Terdahulu perjumpaan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan.

Perjumpaan untuk memberikan taklimat dan penerangan berkenaan dengan format perarakan kepada ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian semasa perhimpunan tersebut.

Agensi-agensi yang turut memberikan taklimat terdiri daripada Jabatan Adat Istiadat Negara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Pengerusi Bersama Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan serta Pengerusi Bahagian Penghakiman Perbarisan dan Perarakan.

Ke muka 24



Muka 3

PAMERAN Industri Kreatif Indonesia 2015  
Tingkat kerjasama  
perdagangan Brunei-Indonesia

# Brunei - China kongsi pandangan pensijilan halal

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hamzah Mohidin

**BERAKAS**, Rabu, 16 Disember. - Hubungan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah lama terjalin dalam pelbagai bidang, dan ia diperkukuhkan lagi dengan kunjungan dan pertukaran lawatan di peringkat negara sebagai usaha untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Dalam merealisasikan perkara tersebut, satu rombongan seramai 19 orang dari Chinese People's Political Consultative Conference (CPPCC), Yunnan Provincial Committee,

Republik Rakyat China yang diketuai oleh Timbalan Pengerusi CPPCC, Yunnan Provincial Committee, Tuan Ma Kaixian telah mengadakan lawatan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Lawatan Tuan Ma Kaixian dan rombongan dimulakan dengan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan KHEU, Jalan

Dewan Majlis, di sini.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak telah mengongsikan pandangan dan maklumat dalam bidang keagamaan terutama dalam pensijilan halal di antara kedua-dua buah negara, di samping mengukuhkan dan meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Seterusnya, Timbalan Pengerusi CPPCC, Yunnan Provincial Committee, Tuan Ma Kaixian dan rombongan telah diberikan taklimat mengenai 'Halal Certification in Brunei Darussalam : Procedural Matters' yang disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Haji Md



**MENTERI** Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa mengalu-alukan Timbalan Pengerusi Chinese People's Political Consultative Conference (CPPCC), Yunnan Provincial Committee, Tuan Ma Kaixian.

Hadiliah bin Haji Manaf yang diadakan di Bilik Mushawarah, Tingkat 4, bangunan kementerian berkenaan.

Taklimat antara lain menyentuh beberapa perkara seperti mengenai Halal Certifying Body; Procedure of Halal Certification yang turut dimuatkan mengenai Halal Meat Act, Chapter 183 dan Halal Certificate and Label Order, 2005; dan rangka kerja kasar tentang MUIB Procedure for recognition of Halal Certification

Foreign Bodies.

Juga hadir semasa lawatan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian; Setiausaha Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli dan Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengalu-alukan Timbalan Pengerusi CPPCC, Yunnan Provincial Committee, Tuan Ma Kaixian dan rombongan. Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian; Setiausaha Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli dan Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

## Tradisi menyambut Maulidur Rasul membawa keberkatan

### Dari muka 1

Tahun ini, perhimpunan, perarakan dan perbarisan akan dipertandingkan dan dibahagikan kepada lima kategori iaitu Kategori Pasukan Tidak Bernombor; Kategori Sekolah Menengah / Arab / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi / Swasta; Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan; Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta; dan

Kategori Kampung dan Masjid.

Menerusi taklimat itu, wakil ketua-ketua pasukan akan dapat mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang berbangkit bagi memastikan perjalanan perhimpunan dan perarakan pada tahun ini akan berjalan dengan lancar dan sempurna seperti yang dihasratkan.

Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1437 Hijrah

akan diadakan serentak di seluruh negara pada 12 Rabiulawal 1437 Hijrah bersamaan 24 Disember ini bermula pukul 7.00 pagi.

Seperti lazimnya, di Negara Brunei Darussalam acara kemuncak sambutan di peringkat negara ialah perhimpunan dan perarakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Sementara itu, di Daerah Tutong acara diadakan di Padang Sekolah



**WAKIL-WAKIL** ketua pasukan yang akan mengambil bahagian dalam perarakan Maulidur Rasul membuat pendaftaran dan mengambil nombor-nombor pasukan.

Rendah Muda Hashim, manakala bagi Daerah Temburong pula di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan,

Pekan Bangar, dan di Daerah Belait di Padang Bandaran, Jalan Sultan Kuala Belait.

## Penutupan sementara Perkhidmatan e-Amanah, Kiosk e-Info TAP

### Siaran Akhbar TAP

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 17 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa TAP akan melaksanakan penambahbaikan sistem utamanya pada hari Rabu, 11 Rabiulawal 1437 Hijrah bersamaan 23 Disember 2015 Masihi hingga 15 Rabiulawal 1437H bersamaan

27 Disember 2015M bermula dari pukul 3.00 petang.

Berikutan dengan penambahbaikan tersebut, perkhidmatan online TAP iaitu e-Amanah dan e-Info Kiosk tidak akan dapat digunakan pada tarikh dan waktu berkenaan.

Sementara itu, permohonan

pengeluaran TAP, SCP dan Skim Tabungan Perumahan (STP) yang diterima pada hari Isnin, 21 Disember 2015 hingga hari Rabu, 23 Disember 2015 hanya akan diproses pada hari Isnin, 28 Disember 2015.

Sebarang kesulitan yang mungkin dihadapi adalah amat dikesali dan untuk pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian 2382800 (pada waktu bekerja).

## RASUAH MENGANCAM KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

# MS ABDB juara Liga Super DST 2015



AHLI Lembaga Pengarah DST, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bergambar ramai bersama juara pasukan MS ABDB, selaku juara Liga Super DST 2015.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 13 Disember. - Pasukan Majlis Sukan ABDB (MS ABDB) menjuarai piala Liga Super DST 2015 selepas mengalahkan pasukan Indera FC dengan jaringan seri 2-2 pada perlawanan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas di sini.

Perlawanan antara pasukan MS ABDB dan Indera FC merupakan salah satu perlawanan paling sengit dan mencabar musim kali ini kerana kedua-dua pasukan berjuang bersungguh-sungguh untuk

menjuarai Liga Super DST 2015.

Perlawanan pada separuh masa pertama berkesudahan seri 1-1 dan pada separuh masa kedua masing-masing pengurus merubah taktik permainan dan rentak permainan mula berubah apabila MS ABDB memperolehi jaringan keduanya.

Pasukan Indera FC menggandakan serangan untuk mendapatkan jaringan dan hasil usaha mereka telah pun berjaya apabila diberikan sepakan penalti pada minit ke-76.

Daripada hasil sepakan penalti tersebut yang dengan mudahnya dilakukan oleh Awangku Mohammad Haikal bin Pengiran Zaidi maka kedudukan perlawanan terikat seri 2-2 hinggalah ke wesil penamat.

Walaupun perlawanan berakhir dengan keputusan seri 2-2 tetapi

pasukan MS ABDB dinobatkan juara mengikut mata mereka yang telah dikumpul dan berada di tangga teratas dalam 10 pasukan dengan 49 mata, diikuti oleh pasukan Indera FC mengumpul 42 mata dan tempat ketiga diraih oleh pasukan Najib 1 dengan 36 mata.

Hadiah kejohanan disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah DST, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof.

Juara menerima hadiah wang tunai BND14,000 berserta piala pusingan, piala iringan dan pingat.

Naib juara disandang oleh pasukan Indera FC, dengan menerima hadiah wang tunai BND10,000 berserta piala iringan dan pingat.

## NASIONAL

### Premis kedai makan diarahkan tutup

**KUALA BELAIT**, Isnin, 14 Disember. - Sebuah premis perniagaan kedai makan dikeluarkan notis untuk ditutup kerana didapati tahap kebersihan premis tersebut tidak memuaskan.

Sepanjang penutupan dijalankan pemilik premis diarahkan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan akan dibenarkan untuk menjalankan semula perniagaan seperti biasa sekiranya tahap kebersihan berada di dalam tahap memuaskan.

Sementara itu, sebuah kedai jahit juga diberi amaran kerana telah didapati menyalahi Peraturan-Peraturan Syarat-Syarat di bawah Akta Lesen Perniagaan Penggal 127, (Pindaan 2015) iaitu menjalankan perniagaan menggunakan lesen perniagaan yang telah mansuh, pemilik premis telah diberi masa selama satu minggu untuk menyambung lesen perniagaan yang telah mansuh.

Operasi bersepadu bersama dengan Pejabat Perkhidmatan Kesihatan, Kuala Belait ke atas empat buah premis perniagaan yang menjalankan perniagaan kedai runcit, kedai jahit, kedai gunting dan kedai makan dan minum di kawasan Mukim Liang Di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Belait yang dijalankan oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Belait di sini.

Sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi denda sebanyak BND10,000 akan dikenakan kepada pemilik premis kedai jahit tersebut dan seterusnya denda tidak melebihi BND100 setiap hari jika kesalahan masih berterusan.

Kebanyakan teguran kepada penyelia premis terutama mengenai dengan cara-cara penyimpanan barang-barang makanan dan minuman

Berita dan Foto : Noraisah Mohammed



SEBUAH premis kedai makan diarahkan tutup di Mukim Liang, Daerah Belait dalam Operasi Bersepadu bersama dengan Pejabat Perkhidmatan Kesihatan, Kuala Belait.

serta lain-lain ke dalam tempat penyimpanan makanan dan minuman yang mana dikhuatiri jika tatacara penyimpanan yang mengikut kaedah yang tidak sesuai akan menjejaskan kualiti dan kesesuaian stok-stok makanan yang lain, lebih-lebih lagi yang melibatkan produk tenusu dan tepung yang mana boleh mengakibatkan kerosakan, pembaziran dan kemungkinan keracunan makanan.

Perkara ini juga boleh mengundang binatang-binatang dan serangga perosak seperti tikus dan lipas berkeliaran di dalam kawasan tempat penyimpanan makanan dan mencemarkan lagi keselamatan dan kesihatan makanan di dalam tempat penyimpanan tersebut.

Penyelia-penyelia premis juga diberi nasihat oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kuala Belait supaya

### TAP teruskan lawatan mengejut ke premis perniagaan

Siaran Akhbar Tabung Amanah Pekerja

**KUALA BELAIT**, Isnin, 14 Disember. - Dalam memastikan kesejahteraan ahli-ahli Tabung Amanah Pekerja (TAP) sentiasa terjamin, TAP melalui Jabatan Penguatkuasaan telah meneruskan lagi siri lawatan mengejut ke premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Mukim Labi, di sini.

Adapun tujuan lawatan ini ialah bagi memastikan bahawa pekerja-pekerja tempatan didaftarkan dan dicarumkan dalam Skim TAP dan SCP.

Daripada sebanyak 12 premis majikan yang dilawati, didapati seorang pekerja belum berdaftar dengan skim TAP dan SCP.

Majikan yang gagal menunjukkan dokumen-dokumen yang diperlukan juga telah diarahkan untuk membuat perjumpaan ke pejabat TAP bagi tindakan lanjut seperti proses pendaftaran pekerja serta proses pembayaran caruman yang tertunggak.

Dalam kesempatan ini, TAP ingin memaklumkan bahawa pekerja yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap negara ini adalah wajib didaftarkan ke TAP dan dicarumkan ke dalam Skim TAP dan SCP setiap bulan.

Aduan boleh dibuat dengan mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian 2382800.

sentiasa berhubung dengan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan untuk meminta pendapat dan pandangan mengenai dengan tatacara pengawalan kebersihan di dalam premis-premis perniagaan tersebut.

Pemantauan dan rondaan akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan perkara-perkara seperti menyalahi peraturan dan undang-undang yang telah diperuntukkan kepada pihak Jabatan Daerah Belait supaya akan selalu mengawasi kebersihan dan


keselamatan di kawasan premis-premis perniagaan.

Operasi tersebut bertujuan untuk membuat pemeriksaan ke atas kebersihan dan keselamatan persekitaran luar dan dalam premis perniagaan, begitu juga untuk memastikan penyelia-penyelia premis mengawal perniagaan di dalam kawalan yang selamat serta mematuhi piawaian Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Peraturan-Peraturan Syarat-Syarat di bawah Akta Lesen Perniagaan Penggal 127, (Pindaan 2015).

# Buah hati mama,

## Azwi Mutalib

Oleh : Riani Rahman



### “KRING! KRING!”

**A**SSALAMU'ALAIKUM!" Kedengaran suara Bidan Hajah Siti sedang menerima panggilan telefon. "Wad bersalin...siapa? Hajah Liza Ali? Au ada kedia ni di katilnya...bah ok. Aku membaritau kedia." Suara Bidan Hajah Siti semakin jelas di telinga Hajah Liza. Kebetulan kedudukan katilnya berdekatan dengan meja jururawat. Hatinya mula bergetar apabila namanya disebut.

"Kenapa sister?" Tanya Hajah Liza apabila dilihatnya bidan yang biasanya melemparkan senyuman tiba-tiba muram menuju katilnya.

"Anu lai... kau kana suruh ke wad kanak-kanak awal ani. Nya nurse di sana, ada doktor kan berbincang dengan kamu laki bini". Jelasnya.

Hajah Liza terkejut. Tanpa berkata dia segera berjalan menuju wad Special Care Baby Unit (SCBU). Baru semalam dia melahirkan seorang anak damit laki-laki seberat 870 gram. Sekarang ditempatkan di wad khusus bersama dengan beberapa anak damit yang senasib dengannya.

Perasaan Hajah Liza berdebar-debar. Matanya liar mencari-cari. Ditelitinya setiap incubator untuk memastikan yang mana buah hatinya itu, kerana dia hanya berkesempatan beberapa minit melihat anak damitnya. Kesihatan Hajah Liza sangat tidak mengizinkan apa lagi untuk bergerak dari katil. Tekanan darahnya juga amat menguatirkan.

Satu demi satu incubator didekatinya dari balik kaca. Hiba hati menatap setiap anak damit yang ada di situ. Tiba-tiba matanya terpancang pada incubator yang tercatat "BABY OF HAJAH LIZA BINTI ALI". Langkah kakinya terhenti. Dia segera menatap sambil menutup mulut dengan tangannya.

"Ya Allah, Engkau Maha Kaya, buah hati mama." Bisiknya. Serentak itu juga, hati Hajah Liza sebak. Sangat kecil anak yang dilahirkan. Incubator yang berukuran kira-kira dua kaki panjang itu nampak terlalu besar

buatnya. "Ya Allah! sesungguhnya anak buah hatiku yang lahirkan kelmarin?" luah hati Hajah Liza. Titis air mata semakin bergenang di kelopak matanya.

Hajah Liza meneruskan langkahnya memasuki ruang dalam SCBU yang sepi itu. Matanya liar memandang sekeliling untuk mencari doktor yang ingin menemuinya. Sesungguhnya hati Hajah Liza sangat pilu. Jantungnya berdegup kencang.

Incubator anak damitnya semakin didekatinya. Anak damitnya dibalut sehelai kain. Matanya tertutup rapat. Hajah Liza mengangkat permukaan kaca incubator lalu menyentuh lengan buah hatinya yang hanya sebesar lilin. Hati perempuannya semakin terusik. Anak damitnya hanya besar tapak tangannya. Ya Allah...

Titisan air mata semakin deras mengalir dipipinya. Sesungguhnya besar kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, anak yang dikandungnya selama enam bulan kini sudah berada di depan mata. Dia akui, belum pernah melihat anak damit sekecil itu walaupun kakak keduanya pernah melahirkan anak perempuan pra matang seberat 1.8 kg.

Hajah Liza mengesat air mata di pipinya. "Assalamualaikum buah hati mama. Selamat lahir kedunia. Ani mama lai." Luah Hajah Liza sendu. Dia mengusap-usap lembut lengan si kecil. Tidak ada respon dari buah hatinya. Hajah Liza terus memerhatikan wajahnya. Masya Allah. Hajah Liza mula merasa sesuatu. Buah hatinya tidak bersuara

walau kelihatan dia sedang menangis. Fikiran Hajah Liza mula kacau. Matanya berkaca-kaca.

"Hajah Liza?" bahunya disentuh.

Dia mendongak ke arah pemilik suara itu. Seorang lelaki berbangsa India berdiri tepat di belakangnya. Dari pakaiannya Hajah Liza yakin dia lah doktor yang ingin bertemu dengannya. Dia menarik nafas dalam. Jauh di sudut hati berbagai persoalan hadir di benaknya.

"Ya dok...tor...why you want to see me?" suaranya tersekat-sekat. Riak cemas gagal disembunyikannya. Dia kurang pasti apakah doktor itu yang turut hadir semasa di bilik melahirkan semalam? Hajah Liza memberanikan menatap wajahnya. "Doktor Haji Salim?", kata Hajah Liza apabila terpancang name tag yang ada dibajunya.

"Yes im, I need to talk about your baby, I told your husband about him last night, your baby is xspremature, his lung is not yet complete but anyway I had given him a special treatment. Where is your husband? Is he around?" Tanyanya apabila Hajah Liza tidak berkata apa-apa. Dia tidak dapat menjawab soalan doktor itu kerana dadanya seolah-olah dihimpit.

Kata-kata doktor itu seolah menghempap dadanya. Ternyata, ada sesuatu berlaku pada buah hatinya. Hajah Liza menyedari hakikat itu namun, naluri keibuannya seolah-olah sukar mempercayainya. Melihat keadaan buah hatinya itu sesungguhnya hanya Allah

Subhanahu Wata'ala yang tahu bagaimana perasaannya.

Beberapa hari lalu, Hajah Liza mula merasakan kelainan. Pergerakan bayi dalam kandungannya semakin berkurangan. Tekanan darahnya pula semakin tinggi. Dia benar-benar risau. Masih terganggu-gganggu di telinganya ketika Doktor Susi memujuknya supaya segera melahirkan. Padahal ketika itu kandungannya baharu saja berusia enam bulan. Jika tidak segera dilahirkan akan berisiko tinggi kepada bayi termasuk Hajah Liza sendiri.

Menurut doktor, risiko yang dilaluinya memang sangat tinggi. Namun itulah pilihan yang harus dilaluinya. Dia juga disaran agar melahirkan dengan cara normal tetapi harus diinduce berbanding dengan cara pembedahan. Ini kerana menurut doktor cara itu lebih baik dan memperbolehkan Hajah Liza mengandung lagi dalam tempoh yang cepat jika sekiranya anak damitnya gagal diselamatkan.

Hajah Liza bingung. Dia benar-benar buntu untuk membuat keputusan. Akhirnya dia bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan akur dengan keputusan Doktor Susi memandangkan usianya sudah hampir 30 tahun dan sangat berisiko tinggi untuk mengandung jika terpaksa menunggu 2 atau 3 tahun lagi.

"Hajah Liza, are u ok?" tiba-tiba suara Doktor Haji Salim menghentikan lamunannya. Dia cuma menganguk lemah.

"Kajah...sabar." Tiba-tiba suara seseorang menegurnya. Dia tidak sedar akan kehadiran adik bungsu di sisinya. Dia menjadi sedih bercampur gembira. Keluarganya memang tunggak semangatnya. Setia bersama-sama dengannya menghadapi dugaan. Wajah adiknya dipandanginya dengan linangan airmata. Dia terus mendakap adik kesayangannya. Lerai pelukan, dia menoleh semula ke arah buah hatinya yang penuh dengan sambungan wayar pada badan kecilnya.

"Maafkan mama sayang, disebabkan penyakit mama kau menderita macam ani. Maafkan lai..." Bisiknya.

"Your baby is critical and he did not pass urine since last night" Doktor Salim memberikan penjelasan.

Hajah Liza membatu. Dia kalut seketika. Dada seakan remuk. Pandangannya tertumpu pada perut si kecil. Kolam mata Hajah Liza tewas. Air mata mengalir deras. Tangisan mula kedengaran. "Ya Allah, sebahkan anakku Ya Allah." Rintih Hajah Liza.

Hajah Liza segera mengambil telefon bimbit jenama Nokia dari saku bajunya. Dia mencuba menghubungi suaminya. Rasa cemas apabila telefon bimbit Haji Mohammad sedang dimatikan.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar! Mulutnya tidak henti mengucap zikirullah. Alhamdulillah beberapa minit kemudian suaminya muncul di ambang pintu walaupun dia belum sempat membuat panggilan.

"Sorry lai, akhir abang ke mari, akhir abang bangun. Mama inda berani kan membangunkan abang. Macamana baby kitani lai?"

Hajah Liza tidak mampu bersuara. Matanya tidak lepas dari menatap wajah buah hatinya. Begitu juga dengan suaminya.

"Bang.."

Haji Mohammad menggenggam erat tangan Hajah Liza apabila dia ingin membicarakan sesuatu.

"A.. Abang su.. sudah tahu, sabar saja lai... Allah lebih mengetahui. Kitani berdoa saja ....." Intonasi suara suaminya berketar-ketar. Dia

tidak sanggup menghabiskan ceritanya.

Hajah Liza berasa sedih. Baru semalam dia nampak suaminya amat gembira setelah bergelar ayah tapi hari itu dia keadaan menjadi sebaliknya.

"Sabarlah.....mungkin ada rahmatnya.....dimalam abang...." Tiba-tiba suaminya terjatuh ke lantai.

Perasaan Hajah Liza meruntun cemas. Adik bungsu Hajah Liza segera meluru ke arah mereka lalu memapah Haji Mohammad duduk di kerusi. Keadaan menjadi semakin cemas.

"Abang bermimpi si alai kitani ketimbunan ais..." cerita suaminya apabila dia mulai sedar. Matanya terus berkaca-kaca dan tangisan jelas kedengaran. Baru pertama kali Hajah Liza melihat dia menangis sepanjang dua tahun usia perkahwinan mereka.

"Be patient Haji, Hajah" Doktor Haji Salim cuba memberikan ketenangan.

"You can call the families to come..... and..and..please give him breast feeding.." Tambahnya dengan nada yang sangat perlahan. Hati Hajah Liza bertambah hiba. Entah sudah berapa banyak air matanya tertumpah. Perasaan itu terlalu sukar digambarkan. Meski dia tidak dapat mendakapnya dengan erat namun Hajah Liza tetap bersyukur. Tiba-tiba keadaan bertambah kalut apabila melihat mesin oksigen menunjukkan angka yang semakin berkurangan. Dan akhirnya mesin itu mengeluarkan bunyi yang mendebarnya.

"Lai... sabar." Suara lembut bidan Hajah Siti menenangkannya.

"Redhkan anakmu, biarkan tia lapas dengan tenang dan jangan tangisi pemergiannya. Allah Subhanahu Wata'ala lebih menyayangi dirinya. Insha-Allah kedia kan menunggu indungunya di akhirat." Tambahnya.

Dalam beberapa saat saja mesin pernafasan berhenti dan jelas buah hati Hajah Liza telah pergi menghadap Ya Khalik. Innalillahiwainailahirazi-un!!

"Mama.."

Tiba-tiba potret Azwi Mutalib terjatuh dari tangan Hajah Liza. Terlalu jauh ingatannya melayang. Memori itulah yang sering menjadi igauan dirinya.

Ditatapinya wajah Zawawi. Anak keduanya. Menatap dirinya seolah-olah dia menatap wajah arwah anak sulungnya. Matanya yang sepet, bibirnya yang kecil mungil juga dua lesung pipit di pipinya. Semua yang ada dalam dirinya membuatkan Hajah Liza rindu. Sangat kebetulan tarikh kelahirannya bertepatan dengan kelahiran arwah anak sulungnya 10 tahun lalu. Allah maha pengasih lagi penyayang.

"Kenapa sayang..tekajut mama."

"Mama rindu abang Azwi?".

Hajah Liza segera memeluk anaknya.

"Selamat ulang tahun lai. Mama sayang alai. Agatah mandi, sekajap lagi majlis kan bermula." Luah Hajah Liza.

"Ok mama." Jawabnya.

Hajah Liza menatap potret di tangannya semula.

"Lai..hari ini, 15 Ogos genaplah umurmu 10 tahun. Semoga rohmu di cucuri rahmat dan ditempatkan di dalam golongan orang-orang yang beriman dan beramal soleh... Al Faatihah.."

"Sesungguhnya dalam hati mama ani, sejuta kasih sayang, rindu, cinta yang inda dapat mama ungkapkan untuk mu wahai buah hati..." Bisik Hajah Liza dengan deraian air matanya.

# بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مَجْلِسُ تَقْوَى اللَّهِ حَمْدُكَ اللَّهُ عَلَيْنَا مَجْلِسُ تَقْوَى اللَّهِ حَمْدُكَ اللَّهُ عَلَيْنَا

## MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

Pada Hari Khamis  
12 Rabiulawal 1437 bersamaan 24 Disember 2015

Tema:  
'Menghayati Sunnah Rasulullah  
Sallallahu Alaihi Wasallam'

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,  
Bandar Seri Begawan.

Padang Bandaran, Jalan Sultan,  
Kuala Belait.

Padang Sekolah Rendah Muda Hashim,  
Pekan Tutong.

Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan,  
Pekan Bangar.



Diterbitkan oleh: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam



infobpnt.bn



infobpnt\_bn

HRD



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/266/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHIN LEE SEN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CHIN TZE SEN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/267/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ZURAI DAH BINTI**

**TUAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Mohammad Sofandi Bin Haji Ahmad** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/270/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORKAMSI AH BINTI Haji Ya'akob** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN Haji Rosman Bin Pengiran Haji Puteh** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/268/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **UMMI HANI BINTI Haji Awang Abdul Halim** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DR. Hajah Sainah Binti Haji Saim** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK KEMANAKAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/269/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hajah Sahinah Binti Haji Dagang @ Hajah Sarinah** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Dagang Bin Gapor** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 NOVEMBER 2015.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)  
Penolong Pegawai Waris,  
Negara Brunei Darussalam.**



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/241/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hajah Norinah Binti Haji Mokkim** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Harith Bin Haji Bakir** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 8 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/247/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAN LEE YONG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **YAP PENG HENG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 15 JANUARI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 1 DISEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/261/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Hajah Munah Binti Bakar** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Bakar Bin Yaman** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 DISEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/271/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Ahmad Bin Haji Metussin** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Adanan Bin Haji Metussin** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si

mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/272/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Abdul Rahman Bin Haji Jumahat** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Pengiran Siti Binti Pengiran Haji Damit** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 8 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/276/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Alijah Bin Haji Othman** kerana minta Surat Kuasa kepada

harta pusaka yang dipunyai oleh **Jailani Bin Haji Ibrahim** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 8 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/278/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **Tan Eu Shing** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Tan Lian Kiat** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 15 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 NOVEMBER 2015.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)  
Penolong Pegawai Waris  
Negara Brunei Darussalam.**



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/167/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL AZIZ BIN HAJI MD. SAID** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH TAISAH BINTI WAHID** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 1 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/243/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HASRINAHWATI @ NUR ASRINA BINTI BAKIR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **BAKIR BIN MOHAMMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 1 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 11 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/242/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DY. HAJAH MASWANI BINTI HAJI MOHAMAD NOOR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MD. NOOR BIN HAJI LAMAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 8 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 DISEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/132/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DK. HAIRANI BINTI PG. ABDUL LATIF** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN ABDUL LATIF BIN PENGIRAN HAJI AHMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 8 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/255/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DATO PADUKA HAJI MOHD NOR BIN HAJI JELUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI JELUDIN BIN AHMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 15 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah

permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 19 NOVEMBER 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
NO. LA/254/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DATO PADUKA HAJI MOHD NOR BIN HAJI JELUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG HAJAH RAFIAH BINTI DAMIT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 15 DISEMBER 2015, jam 9.30 Pagi.

- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimua tnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
- PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapkan pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

# Dikir Maulud bergema di seluruh negara

## Masjid Mohammed Bolkia



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa hadir pada Majlis Dikir sempena Maulidur Rasul di Masjid Mohammed Bolkia, Kampung Serusop.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Disember. - Pujian dikir dan selawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam terus mengimarahkan di seluruh masjid, balai ibadat dan surau di negara ini. Rombongan

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga tidak ketinggalan menyertai Majlis Dikir bagi menyemarakkan sepanjang 12

malam sempena Maulidur Rasul tahun ini.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Mohammed

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi,  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Masmaleh  
Haji Mohd. Ali

Bolkiah, Kampung Serusop ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin serta pegawai-pegawai kementerian berkenaan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Ketua Imam, Awang Haji Muslim bin Haji Abd. Kahar.

Rombongan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya akan meneruskan lagi majlis serupa ke Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak pada 22 Disember ini.

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi,  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Hamzah Mohidin

## Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit

**MUKIM KILANAS**, Selasa, 15 Disember. - Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi Ihya Maulidur Rasul meneruskan programnya ke Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Menyertai rombongan malam itu ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof yang juga mengepalai bacaan Surah Al Faatihah.

Juga hadir pegawai-pegawai kanan, para pegawai serta kakitangan KHEU serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Jofri bin Haji Hidup dalam tazkirahnya antara lain menyampaikan fadilat-fadilat selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof mengepalai bacaan Surah Al Faatihah pada Ihya Maulidur Rasul di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

begitu tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah melimpahkan rahmat kepada umat Islam yang berselawat dan selawat itu juga menghuraikan segala kekusutan dan menghilangkan dukacita dan kesusahan selain

membukakan pintu rezeki kepada yang mengamalkannya.

Ihya Maulidur Rasul diserikan dengan Dikir Assalamualaika, Badat, Bisahrin serta Asraqal daripada warga KHEU dan para penduduk kampung yang mencerminkan dalam

merapatkan hubungan ukhuwah sesama mereka.

Doa Dikir dibacakan oleh Awang Azizan bin Haji Asmat, sementara Awang Saufi bin Haji Suhaini memimpin Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Darussalam.

Majlis seumpama itu merupakan salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, di samping memperingati hari kelahiran seorang Rasul utusan Allah yang membawa rahmat ke alam semesta ini.

## Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit



ANTARA jemaah lelaki yang hadir pada Majlis Dikir Maulud berkenaan.

**MANGGIS**, Isnin, 14 Disember. - Sempena memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, lazimnya di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai

ibadat di negara ini akan berkumandang Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut-turut.

Sehubungan itu, Dikir Maulud diteruskan pada hari ketiga di Masjid

Oleh : Dk. Vivy Malessa  
Pg. Ibrahim  
Foto : Muhammad Asri Haji  
Awang Abas

Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD) di sini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Nuzli bin Haji Jumaat.

Acara kemudiannya diikuti dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan Dikir-dikir Assalamualaika, Khairuman, Alham dan Asraqal oleh Pasukan Dikir Bersatu, Kampung Lambak Kanan; Bank Islam Brunei Darussalam; TelBru; Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Pasukan Dikir Kampung Lambak; Kumpulan Pendikir Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD dan penduduk sekitarnya.

Acara berakhir dengan Doa Penutup yang dibacakan oleh imam masjid berkenaan.

Majlis ini bertujuan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, selain untuk mengingati hari kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi antara jemaah masjid dan penduduk kampung.

Selain itu, ia bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan suasana hari-hari kebesaran Islam di negara ini.



ANTARA jemaah perempuan yang mengikuti Majlis Dikir Maulud berkenaan.

# Dikir Maulud bergema di seluruh negara

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji  
Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Disember. - Rombongan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mempersembahkan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan di sini.

Majlis Dikir tersebut diketuai oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud;

## Masjid Ash-Shaliheen



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim hadir pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran JPM yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen.

Setiasaha-Setiasaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam Masjid Ash-Shaliheen.

Para hadirin yang terdiri daripada warga JPM seterusnya membaca Dikir Syarafil Anam beramai-ramai dan persembahkan dikir tersebut

diteruskan semula setelah menunaikan Sembahyang Fardu Isyak.

Kegiatan keagamaan itu adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun

ini.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran Islam yang diraikan oleh masyarakat beragama Islam di seluruh dunia.

## Masjid Kampung Sungai Hanching



SUASANA Majlis Dikir Maulud sempena Maulidur Rasul di Masjid Kampung Sungai Hanching.

**JALAN MUARA**, Selasa, 15 Disember. - Laungan dikir memuji Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam terus berkumandang di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadah di seluruh

negara selama 12 malam berturut-turut.

Sehubungan itu, Dikir Maulud

diteruskan pada hari keempat di Masjid Kampung Sungai Hanching, di sini.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Md. Said.

Acara kemudiannya diikuti dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan Dikir-dikir Assalamualaika, Khairuman, Alham dan Asraqal oleh Kumpulan Dikir Jabatan Penerangan; Kumpulan Dikir Jabatan Pos, Berakas; Kumpulan Dikir Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); Kumpulan Dikir dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) Perpindahan Lambak Kanan; Kumpulan Dikir Masjid Kampung Sungai Hanching dan penduduk sekitarnya.

Acara berakhir dengan Doa Penutup yang dibacakan oleh imam masjid berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Haji Masmaleh  
Haji Mohd. Ali

Hadir menyertai acara keagamaan tersebut ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Abdul Manap bin Othman, selaku Ketua Rombongan Kumpulan Dikir JPA; Pengawal Pos, Awang Haji Sahrin bin Haji Ibrahim, selaku Ketua Rombongan Kumpulan Dikir Pos Berakas dan Awang Haji Basri bin Haji Abu Bakar, selaku Ketua Rombongan MPK Perpindahan Lambak Kanan.

Majlis tersebut bertujuan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, selain untuk mengingati hari kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jemaah masjid dan penduduk kampung.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan suasana hari-hari kebesaran Islam di negara ini.

## Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

**MANGGIS**, Selasa, 15 Disember. - Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang membawa rahmat ke seluruh alam giat bergema di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Maulud Nabi atau Maulidur Rasul

Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran Islam yang disambut oleh masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam dan seluruh dunia.

Sehubungan itu, Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi diteruskan lagi di

Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Masjid SSBRPAD), di sini bagi malam keempat ia diadakan.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Penghulu Mukim Berakas 'B', Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maun dan Ketua Kampung Madang, Mukim Berakas 'B', Awang Haji Emran bin Haji Ismail serta Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras Hari Kebesaran Islam Masjid SSBRPAD.

Majlis bermula dengan



KETUA Kampung Madang, Mukim Berakas 'B', Awang Haji Emran bin Haji Ismail antara yang hadir pada Majlis Dikir berkenaan.

sembahyang fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Bilal masjid berkenaan, Awang Nuzli bin Haji Jumaat.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir-dikir Assalamualaika, Khairuman, Al-ham dan Asraqal oleh gabungan rombongan pendikir dari Kampung Burung Pingai Berakas; Kumpulan Pendikir Rimba Katok dan Kumpulan Pendikir Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid

SSBRPAD.

Bagi memberkati majlis, Doa Penutup dibacakan oleh Awang Nuzli bin Haji Jumaat.

Majlis tersebut bertujuan sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid selain bagi mengingati hari kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jemaah masjid dan penduduk kampung.



ANTARA jemaah perempuan yang mengikuti Majlis Dikir di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.



**M**ARILAH kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama Islam menggalakkan umatnya untuk mengamalkan sikap saling bantu-membantu antara satu sama lain. Bantuan sama ada berupa pertolongan tenaga, nasihat, teguran dan termasuklah juga bantuan berbentuk material seperti sedekah, berwakaf dan sebagainya. Memberi sesuatu dengan niat yang ikhlas akan mendapat ganjaran pahala yang sangat besar dari Allah Subhanahu Wata'ala. Namun ada kalanya terdapat segelintir orang yang menyalahgunakan pemberian sehingga menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang negara. Dalam hal ini, si pemberi mempunyai niat yang tidak jujur dengan tujuan hanya memberikan sesuatu untuk mencapai apa yang dikehendaki. Sedar ataupun tidak di sinilah bermulanya jenayah rasuah.

Hukum rasuah adalah haram dan termasuk dalam perbuatan memberi atau mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah, ayat 188:

**ORANG yang melakukan rasuah akan menyebabkan kemusnahan kepada dirinya antaranya maruah tergadai, tidak lagi mendapat kepercayaan dari sesiapa pun. Selain itu, mereka juga berhadapan dengan risiko ditahan dan mendapat hukuman, dibuang kerja dan dipandang hina oleh masyarakat. Bahkan hasil yang diperolehinya dari rasuah adalah tidak halal sehingga boleh menyebabkan seseorang tidak masuk syurga, doa-doa dan amalan ditolak, hati menjadi gelap, rosak akhlak dan sebagainya.**

# Bebaskan negara dari ancaman rasuah

**Tafsirnya:** "Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta-harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya."

Orang yang memberi dan menerima rasuah bukan sahaja mendapat dosa besar, bahkan juga mendapat laknat dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya:** "Dari Abdullah bin Amru katanya: telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

Isu rasuah telah lama berlaku dari zaman-berzaman. Bahkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri pernah cuba untuk dirasuah oleh para bangsawan Quraish yang menawarkan pangkat dan harta agar Rasulullah menghentikan syiar agama Islam. Namun Baginda dengan tegas menolak mentah-mentah tawaran tersebut.

Orang yang melakukan rasuah akan menyebabkan kemusnahan kepada dirinya antaranya maruah tergadai, tidak lagi mendapat kepercayaan dari sesiapa pun. Selain itu, mereka juga berhadapan dengan risiko ditahan dan mendapat hukuman, dibuang kerja dan dipandang hina oleh masyarakat. Bahkan hasil yang diperolehinya dari rasuah adalah tidak halal sehingga boleh menyebabkan seseorang tidak masuk syurga, doa-doa dan amalan ditolak, hati menjadi gelap, rosak akhlak dan sebagainya.

Rasuah boleh mengancam keselamatan negara, melemahkan kedaulatan undang-undang, menggugat kestabilan ekonomi, mengakibatkan kezaliman dan penindasan, penyelewengan berleluasa, ketidakadilan sehingga akhirnya boleh menyebabkan rakyat hidup menderita dan menjejaskan keamanan dan kemajuan negara.

Banyak perkara yang boleh menyebabkan berlakunya rasuah, antaranya:

**Pertama :** Kuasa yang tidak dikawal – dengan

**AGAMA Islam menggalakkan umatnya untuk mengamalkan sikap saling bantu-membantu antara satu sama lain. Bantuan sama ada berupa pertolongan tenaga, nasihat, teguran dan termasuklah juga bantuan berbentuk material seperti sedekah, berwakaf dan sebagainya. Memberi sesuatu dengan niat yang ikhlas akan mendapat ganjaran pahala yang sangat besar dari Allah Subhanahu Wata'ala. Namun ada kalanya terdapat segelintir orang yang menyalahgunakan pemberian sehingga menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang negara. Dalam hal ini, si pemberi mempunyai niat yang tidak jujur dengan tujuan hanya memberikan sesuatu untuk mencapai apa yang dikehendaki. Sedar ataupun tidak di sinilah bermulanya jenayah rasuah.**

kuasa seseorang individu akan melakukan sesuatu perkara dengan sewenang-wenangnya, terutama individu yang integritinya tidak mantap akan lebih terdedah kepada melakukan kegiatan rasuah.

**Kedua :** Pengurusan dalaman yang lemah – faktor kelemahan kepimpinan dalam pengurusan di sesebuah jabatan atau organisasi, umpamanya kurang pemantauan, tidak berkeyakinan dan tidak berani untuk membuat teguran, kurang kemahiran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, bersikap acuh tidak acuh atau sambil lewa sahaja akan membuka kepada penyelewengan khususnya rasuah.

**Ketiga :** Mempunyai peluang dan kesempatan untuk melakukannya demi kepentingan diri sendiri.

Dalam Perkhidmatan Awam, pegawai dan kakitangan dituntut untuk mengamalkan budaya kerja yang sihat dan bersih. Oleh yang demikian, warga Perkhidmatan Awam perlu menanamkan sifat integriti dalam diri setiap individu. Integriti merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan lain-lain. Aspek integriti sangat penting dipelihara dan dipamerkan pada setiap masa oleh warga Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Bagi menegakkan integriti dan kejujuran di kalangan pegawai awam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Pindaan Perintah Akta Pencegahan Rasuah 2015 yang berkuat kuasa pada 22 September 2015 untuk menangani isu penyalahgunaan kuasa dan salah laku oleh pegawai awam.

Pindaan Baru Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131) telah memasukkan dua seksyen baru yang memberi tumpuan kepada komitmen

seseorang pegawai awam dalam menjalankan tugas rasmi. Kedua-dua seksyen tersebut memperuntukkan kesalahan bagi pegawai awam yang menggunakan dana awam untuk tujuan peribadi, memberikan layanan keutamaan yang tidak wajar, atau menyalahgunakan maklumat serta berbuat salah laku dengan sengkaja atau lalai melaksanakan kewajipan, kesalahan-kesalahan tersebut boleh dijatuhkan hukuman dengan \$30,000 dan penjara selama tujuh tahun.

Sebagai umat Islam kita hendaklah tidak sekali-kali melakukan perbuatan yang berdosa dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, termasuklah perbuatan rasuah dan salah guna kuasa. Selaku umat yang bertanggungjawab kita hendaklah sama-sama berganding bahu dalam memerangi gejala rasuah dengan melaporkan kegiatan rasuah kepada Biro Mencegah Rasuah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa'idah, ayat 2.

**Tafsirnya :** "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk berbuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa maksiat dan pencerobohan."

Negara yang bersih dari rasuah adalah negara yang aman, negara yang menegakkan keadilan dan memerangi kezaliman, sehingga akhirnya rakyat dan penduduk di negara tersebut dapat menikmati kehidupan yang harmoni dan bahagia. Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga negara kita aman dan bebas daripada gejala rasuah dan seterusnya sentiasa berada di bawah inayah, riayah, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-'Anfaal, ayat 27.

**Tafsirnya :** "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diamanahkan kepada kamu, sedang kamu mengetahuinya."

## وقت سمبھيغ دا ٲيرد بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي

وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي بائي دا ٲيرد بروني موارا دري هاري سبتو 19 ديسيمبر 2015 برسامان دن 7 ربيع الاول 1437 هـ  
كھاري جمعة 25 ديسيمبر 2015 برسامان دن 13 ربيع الاول 1437 اداله سقرت دباوہ اين:

مسيحي ديسيمبر	ھاري	ھجريہ ربيع الاول	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظھر	عصر	مغرب	عشاء
19	سبتو	7	4 . 49	4 . 59	6 . 21	6 . 47	12 . 19	3 . 40	6 . 13	7 . 27
20	احد	8	4 . 49	4 . 59	6 . 22	6 . 47	12 . 19	3 . 41	6 . 13	7 . 28
21	اثنين	9	4 . 50	5 . 00	6 . 22	6 . 48	12 . 20	3 . 41	6 . 14	7 . 28
22	ثلاث	10	4 . 50	5 . 00	6 . 23	6 . 48	12 . 20	3 . 42	6 . 14	7 . 29
23	رابعو	11	4 . 51	5 . 01	6 . 23	6 . 49	12 . 20	3 . 42	6 . 15	7 . 29
24	خميس	12	4 . 51	5 . 01	6 . 24	6 . 49	12 . 21	3 . 43	6 . 15	7 . 30
25	جمعة	13	4 . 52	5 . 02	6 . 24	6 . 50	12 . 21	3 . 43	6 . 16	7 . 30

وقت ٲ سمبھيغ بائي دا ٲيرد بروني موارا دان دا ٲيرد بلايت دنمبه ساكو مينيت دان دا ٲيرد دنمبه نيگ مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسورود نگارا بروني دارالسلام  
دمولاوي دري فوكول 12.45 نغہ هاري

# Kenali Negara Kitani

Oleh :  
Pg. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md. Noor

**K**AMPUNG Sungai Kebun terletak dalam pentadbiran Mukim Sungai Kebun. Mukim Sungai Kebun yang juga merangkumi beberapa buah kampung lain iaitu termasuk Kampung Bolkihah 'A' dan 'B', Kampung Sungai Si Amas dan Ujong Klinik.

Kampung berkenaan kini sibuk dengan pembinaan projek jambatan yang menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan Residency, ia akan dapat menghubungkan dua buah kawasan utama di negara ini iaitu Bandar Seri Begawan dan Mukim Lumapas dan sekali gus masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Bengkurong Masin dan Jalan Tutong akan dapat dikurangkan.

Sesudah selesai projek jambatan itu, para penduduk terutama yang tinggal di Kampong Ayer akan menggunakan kemudahan seperti letak kereta di kawasan Kampung Sungai Kebun dan sekitarnya. Kawasan letak kereta itu bukan sahaja menjadi kemudahan kepada penduduk setempat malah kepada para pelancong sekali gus dapat mempromosikan sektor pelancongan yang berkunjung ke negara ini.

Seperti yang kita sedia maklum, penduduk di Mukim Lumapas dan sekitarnya terpaksa menggunakan laluan yang amat jauh untuk menuju ke pusat bandar dan seringkali mengalami kesesakan terutama di waktu sibuk. Sedangkan kedudukan geografi mukim tersebut lebih dekat dengan pusat bandar berbanding kawasan Bengkurong dan sekitarnya.

Menurut perangkaan Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, lebih 18,000 buah kenderaan setiap hari yang datang dari Mukim Lumapas dan sekitarnya, menggunakan laluan Jalan

# Pembangunan pesat Kampung Sungai Kebun

Bengkurong Masin untuk menuju ke kawasan-kawasan utama, dengan tujuan menghantar anak ke sekolah atau bekerja. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Keadaan ini akan semakin meruncing lagi dengan pertumbuhan Skim Perumahan di Mukim Lumapas dan sekitarnya serta aktiviti-aktiviti perekonomian yang lain.

Projek jambatan di Sungai Kebun ini mengambil kira beberapa kriteria yang utama di mana konsep reka bentuk harus memberi impak positif kepada peredaran trafik, reka bentuk yang *iconic* yang dapat dijadikan sebagai mercu tanda di negara ini kerana kedudukannya yang terletak di persekitaran Bandar Seri Begawan serta kos pembinaan yang berpatutan.

Menyentuh mengenai profil Kampung Sungai Kebun ini, ia adalah di bawah pengawasan seorang Ketua Kampung iaitu Awang Haji Marali bin Haji Matzin dengan mempunyai keramaian 760 orang penduduk terdiri dari 399 orang lelaki dan 361 orang wanita. Rumah-rumah kediaman yang didirikan ialah 118 buah.

Seperti kampung lain, ia mempunyai sebuah sekolah agama dikenali dengan Sekolah Agama Sungai Kebun yang dibina pada tahun 1963 sebelumnya dikenali Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Mulai tahun 1975 sekolah ini berpindah ke bangunan kekal yang masih digunakan hingga masa ini. Kedudukan sekolah ini berhampiran dengan masjid dan balai bomba. Keluasan kawasan sekolah ini ialah 376' x 108'. Ia diperbuat daripada simen dan kayu. Bangunan sekolah ini mempunyai tiga buah blok yang menempatkan Bilik Guru Besar, Bilik Guru-Guru, Bilik Sumber, Bilik ICT, Perpustakaan, Bilik-Bilik Darjah dan Dewan.

Sekolah ini mula digunakan pada 1 Oktober 1975 dan dikenali sebagai Sekolah Rendah Sungai Kebun Kawasan Brunei I. Manakala pada tahun 2004, sekolah ini telah dipilih untuk melaksanakan sistem Penglaratan Sekolah Sehari Suntuk (P3S) iaitu bermula pada 16 Februari 2004.

Ketua Kampungnya semasa ditemu ramah di rumah kediamannya, dalam

Program Sua Muka (*Personal Contact*) anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkata, kampungnya juga menikmati banyak kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti masjid, sekolah-sekolah, klinik, bekalan air, elektrik, telefon dan jalan raya. Kemajuan dari segi infrastruktur di mukim ini juga nampak menonjol apabila siapnya projek jambatan di Sungai Kebun dan tidak lama lagi menjadi tumpuan orang ramai.

Program Sua Muka yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat hal ehwal kemasyarakatan. Di samping tujuannya untuk membina minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara selaras dengan aspirasi kerajaan dan rakyat, ia juga dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara kerajaan dan rakyat.

## MASJID AL-MUHTADEE BILLAH

Kampung ini juga mempunyai sebuah masjid yang dikenali dengan nama Masjid Al-Muhtadee Billah terletak di pinggir Sungai Brunei telah dibina pada 17 September 1983 di atas tapak tanah seluas 0.56 ekar dan siap pembinaannya pada 27 Mei 1987 dengan perbelanjaan sebanyak \$3,369,653.28.

Masjid ini telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 20 Zulkaedah 1407H bersamaan dengan 17 Julai 1987M bersempena Hari Keputeraan Baginda. Kapasiti masjid ini boleh menampung seramai 1,100 orang jemaah. Salah satu kemudahan yang terdapat di masjid ini ialah bilik kelengkapan menyempurnakan jenazah dan bilik kutubkhanah. Masjid ini juga boleh dikunjungi melalui jalan Darat.

## KEMAJUAN

Ahli-ahli Majlis Perundingan



PEMBINAAN projek jambatan yang menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan Residency kini rancak dalam pembangunan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Kampung (MPK) yang ditubuhkan di kampung ini adalah bagi mendengar dan menerima pandangan dan nasihat serta permasalahan yang ada sekiranya dapat disampaikan dan diterima pada Persidangan MMN. Ia juga adalah bagi

membincangkan dan melahirkan idea dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan pandangan yang boleh memberikan sumbangan ke arah meningkatkan kemajuan kampung, kawasan, daerah dan negara.

# Kemakmuran Kampung Bolkihah 'B'



JAMBATAN yang menghubungkan penduduk Kampung Bolkihah 'A' dan 'B'.

**K**AMPUNG Bolkihah 'B' merupakan sebuah kampung yang terletak di Kampong Ayer di bawah Mukim Sungai Kebun. Ketika ini kampung ini ditadbir oleh seorang Ketua Kampung iaitu Awang Shamsuddin bin Haji Maidin.

Menurut statistik banci penduduk 2011 yang dikeluarkan oleh JPKE, Kampung Bolkihah 'B' dihuni oleh 1,452 penduduk yang terdiri daripada 752 lelaki dan 700 wanita. Sebanyak 204 buah tempat kediaman yang terdapat di kampung ini.

Istimewanya kampung ini ialah ia merupakan sebuah kampung yang dibina di bawah Skim Perumahan Kampong Ayer di bawah seliaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah. Sepertimana Kampung Bolkihah 'A', kewujudan Kampung Bolkihah 'B' ini juga merupakan bagi menampung keperluan penduduk yang terlibat dalam kebakaran pada tahun 1993.

Pembinaan rumah di Kampung Bolkihah 'B' merupakan fasa kedua yang mana ketika itu sebanyak 250 buah rumah dibina. Dua jenis rumah

dibina di kampung ini iaitu jenis 'A' mempunyai dua bilik tidur, manakala jenis 'B' empat buah bilik tidur. D daripada jumlah tersebut cuma 26 buah rumah jenis 'A' sahaja yang dibina di Kampung Bolkihah 'B' ini.

Dengan rumah berlantai simen, bertiang konkrit, laluan pejalan kaki diperbuat daripada batu serta sistem pembuangan najis yang lebih teratur sudah tentu memberikan keselesaan dan kehidupan yang lebih baik kepada mereka yang tinggal di Kampung Bolkihah 'B' ini.

Susunan rumah yang begitu teratur dan rapi juga boleh mengurangkan risiko berlakunya kebakaran, sekali gus menarik minat generasi muda untuk menetap di Kampong Ayer.

Kampung ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi kesesuaian penduduk kampung ini. Antaranya ialah penubuhan Sekolah Agama Kampung Bolkihah yang ditubuhkan pada tahun 1999.

Penubuhan sekolah agama tersebut adalah bagi penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar perumahan tersebut khususnya Kampung Bolkihah 'A' dan Bolkihah 'B'.

Sebelum adanya sekolah tersebut murid-murid di kawasan itu belajar di Sekolah Agama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar Kampung Setia, Sekolah Agama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampung Saba, Sekolah Agama Al-Muhtadee Billah Kampung Lurong Dalam dan Sekolah Agama Pintu Malim.

Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran sempena Pembukaan Sekolah Agama Kampung Bolkihah telah disempurnakan oleh Pengarah Pengajian Islam ketika itu, Dato Seri

Oleh :  
Norliah Md. Zain

Setia Awang Haji Kassim bin Haji Lamat pada 5 April 1999.

Sekolah Agama Kampung Bolkihah menggunakan enam buah rumah, iaitu lima buah menempatkan murid yang belajar dari Darjah Pra hingga Darjah 6, manakala sebuah lagi digunakan bagi menempatkan Bilik Pentadbiran dan Bilik Guru Besar.

Kewujudan Skim Perumahan Kampong Ayer ini menunjukkan semangat orang-orang Kampong Ayer untuk terus menetap dan hidup di sana. Dengan usaha ini juga menunjukkan betapa Kampong Ayer itu sebuah warisan yang mesti dipertahankan.

Hanya mereka yang tinggal di Kampong Ayer saja yang mengerti betapa indahnya hidup di permukaan air, yang masih mengekalkan hidup berdagang anak yang kuat dan tahu menghargai warisan nenek moyang mereka.

Semoga Kampung Bolkihah 'B' terus menikmati kemakmuran aman damai dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.



DENGAN warna kekuningan, pemandangan alam semula jadi, menjadikan resort ini unik dan berprestij.

**Dari muka 8**

Jika kita lihat bentuk dan rekaan chalet serta vila yang ada pastinya kita terbayangkan deretan rumah-rumah Kampong Ayer.

Awang Zulkifli seterusnya menjelaskan, pembinaan chalet dan vila ini adalah bercirikan tradisional Melayu di mana pemilik Mangrove Paradise Resort, Awang Haji Mahadi, Pengurus Umum MPRV lebih menerapkan ciri-ciri keBruneian namun masih memiliki 'kemewahan' dengan gabungan seni bina tradisional dengan kemudahan moden dari segi dalaman, seperti deretan perabot moden dan juga balkoni persendirian di setiap chalet dan vila untuk memberikan rasa suasana tenang dan lebih *privacy* dengan pemandangan Sungai Brunei yang pastinya memberikan ketenangan mata memandang.

Setiap bilik-bilik di chalet dan vila ini dilengkapi dengan sistem berhawa dingin dengan lokasi menghadap pemandangan Sungai Brunei yang menyeluruh selain setiap bilik mempunyai sebuah televisyen skrin rata dan bilik mandi.

"Untuk memiliki chalet dan vila untuk penginapan orang ramai dan pelancong memang sudah menjadi impian Awang Haji Mahadi sedari dulu lagi dan alhamdulillah kini ia menjadi kenyataan dan ini juga disokong serta dibantu oleh keluarga beliau berserta lima anak beliau," tambah Awang Zulkifli.

"Juga disediakan bagi kemudahan pengunjung dan penginap di vila Fasa II ini seperti surau di mana surau ini juga digunakan oleh orang ramai untuk mengadakan majlis akad nikah, selain jeti dan sebuah dewan serbaguna yang boleh memuatkan seramai 2,000 orang dan kini masih dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya April tahun depan, MPRV juga menyediakan khidmat urutan santai di spa untuk kaum hawa yang menunggu untuk dibukakan bagi para penggemar spa," tambah Awang Zulkifli.

Selain itu, tambah Awang Zulkifli, Mangrove Paradise Resort juga turut mengadakan beberapa aktiviti yang dianjurkan oleh Mangrove Paradise sendiri, bahkan MPRV juga mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin mengadakan apa jua aktiviti yang melibatkan penyertaan orang ramai

untuk mengadakan di tempat mereka dan ini tertakluk kepada apa jenis aktiviti yang hendak dianjurkan dengan bayaran yang difikirkan berpatutan.


"Jika sebelumnya MPRV mempunyai kolam ikan yang membolehkan pengunjung untuk mengadakan aktiviti memancing, tetapi kini kolam tersebut telah ditutup dan dijadikan tempat letak kereta, memandangkan aktiviti memancing kian digemari ramai, MPRV kini dalam usaha mengembalikannya semula dengan membina kolam ikan yang baharu, selain turut merancang untuk membuat 'Mini Water Park'. Walau bagaimanapun, pengunjung terutamanya yang menginap di sini masih boleh menjalankan aktiviti memancing seperti biasa menerusi ruang terbuka chalet atau vila yang didiami," menurut Awang Zulkifli kepada penulis Rencana Pelita Brunei semasa ditemui.

Sementara itu, menurut Pengurus Mangrove Paradise Resort, Dayang Adina binti Haji Mahadi berkata, selain mempunyai kemudahan seperti surau, restoran yang menyediakan sebanyak 500 tempat duduk, bilik persidangan atau seminar, Taman Mini Permainan Kanak-Kanak, dua kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa, kawasan letak kereta yang selesa, Mangrove Paradise Resort juga turut menyediakan pengangkutan untuk memudahkan pengunjung membawa barangan mereka ke rumah penginapan mereka dan ini juga untuk mengelakkan warga emas khususnya agar tidak letih berjalan.

Selain deretan resort, Mangrove Paradise Resort turut mempunyai sebuah rumah *homestay* berseberangan dengan resort tersebut di mana ia boleh digunakan oleh orang ramai dengan kadar sewa yang telah ditetapkan oleh MPRV.

Saat meninjau persekitaran MPRV, saya selaku penulis turut teruja dengan pemandangan dan suasana chalet dan vila di sini, memang tepat sekali suasana yang ada benar-benar menjanjikan keselesaan, kedamaian dan juga sejuk mata memandang persekitaran yang dipenuhi dengan tumbuhan hijau pohon-pohon bakau yang turut menjadi lambang penginapan MPRV serta mesra alam.

Apa yang begitu istimewa tambah Awang Zulkifli lagi, MPRV bukan hanya menjanjikan



IKAN-IKAN segar menjadi pilihan utama para pengunjung ke restoran resort tersebut.

penginapan yang begitu selesa bahkan bagi mereka yang minat kepada makanan laut juga boleh menikmati masakan yang membuka selera sambil bersantai menikmati keindahan alam antara pilihan ikan yang ada seperti ikan selungsung, ikan putih, ikan kerapu dan juga ketam yang masih segar juga berpeluang menikmatinya di Restoran Z'yan kerana ikan-ikan yang dimasak di sini merupakan ikan-ikan yang segar yang diperolehi daripada hasil ternakan ikan dalam sangkar milik Awang Haji Mahadi.

Sebelum mengakhiri perbualan antara wakil Rencana Pelita Brunei bersama Awang Zulkifli yang juga merupakan adik kepada Awang Haji Mahadi berharap dengan kewujudan MPRV ia akan dapat membantu menaikkan lagi taraf ekonomi negara terutama sekali industri pelancongan negara dengan bantuan KPSSU dan Pelancongan.



SURAU bercirikan tradisi Brunei tersergam indah.



KESELESAAN bagaikan rumah sendiri yang terdapat di vila berkenaan seperti dalam gambar atas kiri dan kanan.

# Pengendali resort

## Pencapaian pengusaha tempatan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Muhtashim Billah Sultan Haji Ahmad Ali Sa'udin Sultan Khairi Vajidin Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sempena

Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah dan Rumah Teres Meragang, Rumah Kembar Serta Rumah Teres Tanah Jambu dan Kampong Panchor (Mengubau) Di Bawah Rancangan Perumahan Negara Serta Rumah Kembar dan Rumah Teres Kampong Mata-Mata (Katok 'B') Serta Rumah Teres Kampong Lugu Di Bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Bagi Daerah Brunei dan Muara



RISTAAN ... Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan keprihatinan baginda terhadap industri perhotelan yang dijalankan oleh anak tempatan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

**S**IAPA menduga deretan hutan bakau yang tidak pernah dipandang kini berubah wajah dengan terhasilnya deretan chalet dan vila yang tersergam indah berkonsepkan kediaman Kampong Ayer ala moden. Mangrove Paradise Resort (MPRV) salah satu resort yang menenangkan jiwa ketika saya selaku penulis rencana ini berada di sini. Pertama kali melangkah ke resort ini jelas ia menggambarkan suasana yang selesa kepada siapa saja yang berkunjung. Bercirikan

suasana kampung, santai dan terbuka membuatkan siapa saja yang berkunjung dan menginap di sini akan berkata dengan hati "I love this place so much".

Mangrove Paradise Resort yang berada di atas perairan Sungai Brunei betul-betul berhadapan dengan Sungai Brunei yang terbentang luas dengan air yang bersih, mungkin ramai yang pernah bertandang ke sini, tapi tidak semua tahu asal sebelum terbinanya chalet dan vila yang ada kini.



FASA I yang merupakan chalet penginapan Mangrove Paradise Resort(atas). Manakala gambar bawah salah satu kemudahan rekreasi yang indah di resort tersebut.



FASA II Mangrove Paradise Resort.

**Rencana dan Foto:  
Ak. Jefferi Pg. Durahman**

Resort dan vila yang dikelilingi dengan pokok-pokok bakau mempunyai cerita tersendiri. Bagaimana boleh terbinanya dan wujudnya chalet dan vila yang diberi nama Mangrove Paradise Resort ini.

Resort yang terletak 20 minit dari Bandar Seri Begawan yang juga berjarak 30 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada mula asal sebuah kolam penternakan katam berubah kepada kolam penternakan ikan dan seterusnya menjadi resort yang berupa kediaman terletak di Kampung Sungai Belukut.

"Resort yang merupakan kediaman dan terletak 20 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada mulanya merupakan sebuah tapak kolam penternakan ketam dan ikan dan dari sini pula terfikir untuk membuka sebuah restoran di mana hasil pendapatan dari restoran ini pula dapat digunakan untuk mengusahakan penternakan ketam dan ikan-ikan yang ada, bahkan idea ini kemudiannya dikembalugaskan oleh pemiliknya dengan bercadang untuk membuka tempat penginapan dan dari sini pengunjung yang datang ke restoran yang kini dinamakan Z'yan Restoran juga boleh terus menginap di kediaman yang disediakan, dengan idea-idea inilah terbentuk serta terwujudnya Mangrove Paradise Resort yang ada sekarang dan merupakan resort pertama di Negara Brunei Darussalam yang diusahakan sepenuhnya oleh seorang pengusaha tempatan, Awang Haji Mahadi bin Haji Talib.

Menurut Pengurus Perkembangan Perniagaan, Awang Zulkifli bin Haji Talib, memandangkan lokasi yang begitu indah antara darat dan sungai maka kesepakatan diambil untuk membina resort yang ada sekarang, sejak tempat peranginan ini dibuka secara rasminya pada 1 Oktober 2009 ia telah banyak menarik warga tempatan dan luar

negara untuk menginap di resort yang menyediakan sebanyak 15 buah chalet.

Apa yang uniknya tentang Mangrove Paradise Resort, ia dikelilingi dengan kehijauan tumbuhan bakau yang menambah lagi kesegaran suasana resort ini. Bahkan penginapan dan pengunjung di Mangrove Paradise Resort ini juga berpeluang melihat deretan rumah-rumah Kampong Ayer serta aktiviti-aktiviti memukat (mengandung) penduduk di sini.

Menyentuh Fasa II MPRV terang Awang Zulkifli, penginapan MPRV Fasa II mula dibukakan kepada orang ramai dan pelancong bermula pada 4 September lalu dengan menawarkan harga BND300 semalam pada hari-hari biasa, manakala BND350 semalam pada hujung minggu.

"Pembinaan Fasa II MPRV ini dimulakan pada bulan Jun 2013 dengan menelan belanja sebanyak BND5 juta yang dibiayai di bawah Skim Kemudahan Perusahaan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang dulunya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ia merangkumi pembinaan 10 buah vila dua tingkat yang lebih kepada ala-ala bentuk rekaan rumah kediaman Kampong Ayer dan setiap vila tersebut mengandungi tiga buah bilik tidur dengan tandas di setiap bilik, ruang tamu, dapur kering, ruang makan dan istimewanya setiap vila di Fasa II ini disediakan sebuah kolam jakuzi.

Ke muka 9

# 49 ahli Pengawasan Kejiranan terima surat lantikan



PENGHULU Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus semasa bergambar ramai bersama para penerima surat lantikan ahli Pengawasan Kejiranan dari empat buah kampung di bawah Mukim Kilanas.



PEGAWAI Penguasa Balai Polis Pusat, Penolong Penguasa Polis Haji Naguib bin Dato Paduka Haji Ismail semasa menyampaikan sijil lantikan kepada seorang penerima.

## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember.**- Seramai 49 ahli Pengawasan Kejiranan dari empat buah kampung di bawah Mukim Kilanas menerima surat lantikan mereka yang disampaikan oleh Pegawai Penguasa Balai Polis Pusat, Penolong Penguasa Polis Haji Naguib bin Dato Paduka Haji Ismail.

Mereka yang menerima surat-surat lantikan tersebut terdiri daripada 12 ahli dari Kampung Bunut Perpindahan; 23 ahli dari Kampung Bengkurong / Sinarubai / Burong Lepas; 10 ahli dari Kampung Tasek Meradun / Bunut dan empat ahli dari Kampung Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus.

Penyampaian surat lantikan itu telah secara rasminya ahli-ahli yang mendaftar menjadi ahli Pengawasan

Kejiranan setelah melalui tapisan keselamatan yang telah dibuat.

Pasukan Polis Diraja Brunei mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli yang mendaftar dan semoga dengan keahlian dan penyertaan ahli-ahli secara aktif itu nanti akan dapat mengurangkan kejadian jenayah di kawasan mereka dan menjadikan kampung mereka aman sejahtera.

## Ops TEGAS 4 catat 12 kesalahan

### Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 Disember.** - Operasi Penguatkuasaan Lalu Lintas (Ops TEGAS 4) oleh Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) telah merekodkan 12 kesalahan lalu lintas.

Menurut Siaran Akhbar Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), seramai 25 orang anggota JSKLL yang diketuai oleh ASP Mohd. Fathdillah bin Abdul Hamid telah mengadakan sekatan jalan raya di Lebuhraya Sultan Hassanul Bolkiah di kedua-dua hala.

Antara kesalahan-kesalahan lalu lintas yang telah direkodkan, satu kes kesalahan cukai jalan mansuh; satu kes kesalahan tidak mempunyai lesen memandu yang sah; satu kes kesalahan memakai cermin gelap / tinted glass; tiga kes kesalahan tidak menampal cukai jalan yang sah; tiga kes horn kenderaan tidak berfungsi; satu kes kesalahan plat pendaftaran tidak mengikut peraturan yang ditetapkan dan kes kesalahan lampu plat pendaftaran tidak menyala.

PDB menasihatkan kepada orang ramai supaya akan mematuhi undang-undang lalu lintas bagi mengelakkan tindakan undang-undang dikenakan.



KELIHATAN beberapa anggota JSKLL sedang menjalankan tugas.

## Balai Polis Lamunin adakan rondaan pencegahan jenayah



RONDAAN di dua buah kampung diketuai oleh Pegawai Penguasa Balai Polis Lamunin, Inspektor Muhammad Adzimin bin Haji Ibrahim.

### Siaran Akhbar dan Foto: Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember.** - Balai Polis Lamunin bersama dua ahli Pengawasan Kejiranan dari Kampung Layong dan Kampung Kiudang mengadakan rondaan pencegahan jenayah di kampung

masing-masing bermula pada pukul 10.00 malam.

Rondaan itu diketuai oleh Pegawai Penguasa Balai Polis Lamunin, Inspektor Muhammad Adzimin bin Haji Ibrahim yang menumpukan di kawasan Kampung Bukit Barun dan kawasan masjid serta sekitar Kampung Layong dengan menggunakan kenderaan dan berjalan kaki.

Sepanjang rondaan tidak mendapati kejadian jenayah dan aktiviti-aktiviti yang mencurigakan.

# Tahun 2015 signifikan bagi UBD

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Brunei Darussalam

LONDON, UNITED KINGDOM, Ahad, 13 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 2015 telah memperolehi pencapaian penting dalam pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam dari segi pengiktirafan antarabangsa, pendidikan dan kecemerlangan penyelidikan.

Pemangku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Ahmad berkata, perkara ini

terbukti dalam kejayaan UBD dari segi peningkatan prestasi yang memberangsangkan di dalam QS University Rankings: Asia 2015 di mana UBD berjaya melonjak 57 anak tangga dari kedudukan 171 ke-180 pada tahun 2014, kepada kedudukan 118 pada tahun 2015, dan mencapai kedudukan 25 universiti teratas di Asia dalam lima dari sembilan kriteria ranking.

"UBD mendapat kedudukan ke-23 di Asia bagi nisbah tenaga akademik

dan pelajar (*faculty-student ratio*), dan kedudukan ke-14 di Asia bagi pelajar antarabangsa. Malahan, UBD berkedudukan 10 universiti teratas di Asia bagi tiga kriteria. Ini termasuk kedudukan pertama bagi pelajar pertukaran yang keluar (*outbound exchange students*) berbanding dengan kedudukan ke-4 pada tahun 2014. Kedudukan ke-2 di Asia bagi pelajar pertukaran yang masuk (*inbound exchange students*) berbanding dengan kedudukan ke-11 dalam kriteria yang sama pada tahun 2014, dan kedudukan ke-6 bagi tenaga akademik antarabangsa (*international faculty*)," demikian jelasnya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Penandatanganan Perjanjian 'The Chancellor's Scholar' UBD yang berlangsung di sini.

Menurut Profesor Madya Dr. Haji Azman, kejayaan ini adalah hasil dari usaha, dedikasi dan terutama sekali komitmen dari semua pihak terutama sekali staf, kakitangan dan pelajar universiti.

Pihak UBD, ujanya, menaruh harapan besar bahawa ciri-ciri tersebut akan diterapkan dalam semangat budaya para akademik dan pelajarnya, juga kepada setiap penerima Biasiswa 'Chancellor's Scholar', terutama sekali sesudah mereka menamatkan pengajian dan menjadi ahli akademik UBD, dalam melipatgandakan usaha penyelidikan dan menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi (*high-impact publications*), untuk menaikkan lagi kedudukan UBD dalam QS University Rankings: Asia pada tahun 2016 dan tahun-tahun berikutnya.

Dalam kesempatan ini, pihak UBD, tambahnya, menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas sokongan yang tidak kendur-kendurnya, dalam meningkatkan dan memantapkan kedudukan UBD sebagai sebuah institusi tinggi yang berwibawa di Negara Brunei Darussalam dalam melahirkan cendekiawan-cendekiawan yang akan menyumbang dalam kemajuan dan perkembangan

negara.

Sebagai sebuah universiti premier, UBD, jelasnya mengenal pasti dan mengambil berat tentang *capacity building* dalam kalangan anak tempatan.

Oleh itu, tegasnya, adalah penting bagi tenaga akademik yang baru memulakan karier mereka, untuk membangun dan mengukuhkan asas-asas kerjaya akademik seperti pengajaran, penyelidikan dan pentadbiran, agar mereka berkebolehan untuk memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat.

"Biasiswa 'Chancellor's Scholar' ini adalah merupakan salah satu usaha UBD untuk meningkatkan kapasiti anak tempatan. Melalui biasiswa ini, para penerima dijangka memainkan peranan yang penting dalam sentiasa mengejar kecemerlangan, dan berkongsi wawasan serta hala tuju secara kolektif. Selain bimbingan dari penyelia pengajian masing-masing, setiap penerima Biasiswa 'Chancellor's Scholar' juga akan menerima bimbingan dan *mentorship* dari UBD, untuk mengasuh perkembangan mereka secara menyeluruh. Para penerima biasiswa juga akan menjalani program pembangunan dan penempatan di UBD dan di beberapa institusi rakan UBD yang berprestij bagi pertumbuhan akademik dan kepimpinan mereka," tambahnya pada majlis yang berlangsung di London Hilton, Park Lane, di sini.

Profesor Madya Dr. Haji Azman juga mengingatkan kepada para penerima Biasiswa 'Chancellor's Scholar' supaya menanamkan sikap disiplin, tekad dan semangat yang tinggi, dan juga membentuk etika kerja.

"Biskita juga dinasihatkan untuk sentiasa fokus untuk menyelesaikan penyelidikan dan pengajian dalam tempoh yang dianugerahkan. Pamerkanlah keperibadian dan perwatakan yang melambangkan yang terbaik dari yang terbaik. Tunjukkanlah potensi biskita sebagai seorang pemimpin. Lihatkanlah semangat untuk melakukan perubahan



PEMANGKU Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

## Tujuh pengajian tinggi sertai program kepimpinan

Siaran Akhbar Institut Teknologi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. - Program Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar adalah satu program kepimpinan tahunan yang dijalankan oleh EXCO Kepimpinan, Pembangunan dan Mentor Majlis Perwakilan Pelajar Institut Teknologi Brunei (MPPITB) sejak 2011.

Matlamat dan objektif program berkenaan ialah untuk memupuk kepimpinan dalam kalangan pelajar pelbagai institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Siaran Akhbar ITB, program itu telah disertai oleh tujuh institusi pendidikan tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Politeknik Brunei (PB), International Graduates Studies College (KIGS), Cosmopolitan College of Commerce dan Teknologi (CCCT), Laksamana College Buisness (LCB), Kemuda Institute (KI), sementara ITB, selaku tuan rumah program.

Sejumlah 30 peserta menyertai program itu selama empat hari dan tiga malam yang diadakan pada 5 hingga 8 Disember lalu, di kampus dan perkhemahan tapak ITB 'A' dan di Hutan Simpanan Berakas.

Perasmian telah diadakan di Kuliah Theatre 2, ITB pada hari pertama program 5 Disember lalu oleh Pemangku Penolong Naib Canselor Perindustrian dan Perkhidmatan, ITB, Awang Joffry bin Haji Bungsu.

Semasa diwawancara, pelajar-pelajar yang mengikuti program tersebut iaitu pasangan adik-beradik, Dayang Nurain binti Osman dan Dayang Noraida binti Osman daripada pelajar Institut Kemuda yang mengambil jurusan Diploma dalam Information Technology menerangkan rasa gembira kerana terpilih untuk menyertai program tersebut.

Mereka berharap dengan mengikuti program berkenaan akan berpeluang untuk mempelajari dan menambahkan pengalaman dari segi praktikal, bukan saja belajar dari segi teori bahkan dengan adanya program itu mereka akan dapat merasakan sendiri apa yang bakal mereka pelajari dari segi pengetahuan kepimpinan, seperti teori asas kepimpinan, kebolehan untuk memimpin projek, kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan dan dengan program itu akan lebih belajar cara berkomunikasi dan mengeratkan silaturahim dengan bergaul bersama pelajar-pelajar lain seramai 30 pelajar daripada institusi pengajian tinggi yang lain.

Dengan yang demikian mereka sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang cabaran, mewujudkan keyakinan diri (*self confident*), di samping sentiasa mengamalkan cara hidup berdisiplin dan menjaga pengurusan masa (*time management*).

**DENGAN pengambilan pertama seramai 176 pelajar dan hanya dua fakulti pada tahun 1985, UBD kini mempunyai seramai 86 pelajar Ph.D; 657 pelajar Ijazah Sarjana dan 4,050 pelajar Ijazah Sarjana Muda, termasuk 437 pelajar antarabangsa.**

# UNISSA-UUI bincang cabaran Islam di ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto:  
Sumbangan UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah dapat menarik minat Institusi Pengajian Tinggi luar negara untuk mengadakan perbincangan dua hala.

Ini terbukti dengan adanya kunjungan lawatan daripada enam pensyarah dan pegawai daripada Universitas Islam Indonesia (UII) Yogyakarta diketuai oleh Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Islam, Dra Hajah Sri Haningsih, M. Ag.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, lawatan itu bertemakan "Jalinan Pengajian Islam ASEAN Bagi Mengatasi Masalah Global Dan Isu Semasa" telah dapat menjalinkan hubungan persafahaman dari sudut akademik dan program-program yang berseuaian antara pihak UNISSA dengan UII.

Antara tujuan lawatan adalah untuk

meningkatkan kualiti sosialisasi hasil kajian yang menjadi teras dan kajian berbentuk spesifik melalui penyebaran ilmiah dengan kerjasama ke dua-dua buah universiti.

Lawatan itu juga akan dapat membuka jaringan kerjasama antara UNISSA dan UII dalam bidang yang menepati isu globalisasi dan juga masalah setempat.

Kunjungan dua hala ini telah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin.

Antara isu yang dibincangkan ialah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam ASEAN di abad ini yang begitu membimbangkan.

Faktor globalisasi bukan hanya mendorong terjadi perubahan peradaban malah akan menimbulkan perubahan dalam struktur kehidupan sama ada dari sudut sosial, budaya, agama, ekonomi, politik, maupun juga pendidikan.

Sebelumnya juga, pihak UNISSA



PEGAWAI UNISSA dan pegawai dari UII bergambar ramai sebelum sesi taklimat.

telah menerima kunjungan daripada Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Pekalongan Indonesia yang bertaraf Universiti.

Rombongan daripada STAIN, Pekalongan telah dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Prof

Madya Dr. Abdel Wadoud Moustafa Moursi El Seoudi manakala delegasi diketuai oleh Yang Mulia Dr Haji Muhlisin, Pengarah Pascasarjana.

# PKBN terima pelawat dari Seria

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Disember. - Seramai tujuh orang ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Panaga 2000, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mukim Seria bersama 35 belia remaja Ahli Sukarelawan Kampung Panaga 2000 telah mengadakan lawatan ke Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Perkampungan Sukan, Berakas di sini.

Rombongan diketuai oleh Pengerusi Pengawasan Kejiranan Kampung Panaga 2000, Awang Haji Hassan bin Tuah.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Pengarah PKBN, Kolonel (B) Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail; Komandan Kem Mejar (B) Awang Mohammad bin Dollah dan Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Khidmat Bakti Negara, Dayang Rohani binti Haji Hasan.

Tujuan utama lawatan tersebut ialah untuk membuka minda dan membina semangat belia-belia untuk menceburi PKBN selain dapat menyaksikan aktiviti-aktiviti secara langsung yang sedang berjalan, di samping mengisi masa lapang sewaktu cuti persekolah dengan perkara yang bermanfaat.

Kebaikan program itu bukan saja dapat menanai sikap kerjasama dan mengeratkan silaturahim di antara belia-belia malah dapat membentuk jati diri, mengisi ilmu yang dipelajari baik dari segi jasmani dan juga rohani.

Semasa lawatan, rombongan telah diberikan taklimat oleh Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara.

Rombongan kemudian turut dibawa melawat bangunan kem latihan seperti Bilik Asrama Lelaki dan Perempuan, Bilik Perubatan, Surau, Bilik Gerakan dan menyaksikan latihan kawad di Padang Kawad.

Seterusnya rombongan dibawa ke bilik kuliah di Stadium Tertutup, Berakas bagi melihat kelas pembelajaran Asas Pertolongan Cemas serta kelas Kesihatan dan Keselamatan Kerja (Occupational Health and Safety) yang dikendalikan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Semasa jamuan ringan, ucapan ringkas oleh Awang Haji Hassan dengan mengingatkan belia-belia PKBN untuk meneruskan perjuangan, jangan mudah berputus asa, tingkatkan semangat kerana belia adalah salah satu aset negara yang berharga sepertimana hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan belia-belia negara ini sebagai belia-belia yang benar-benar berwawasan, yang berkualiti, untuk terus berbakti kepada raja, bangsa dan negara.

Lawatan diakhiri dengan bergambar ramai rombongan dengan warga kerja Bahagian Khidmat Bakti Negara.

Pada pembukaan dan penutup lawatan, Surah Al Faatihah dan Doa



ROMBONGAN Belia-Belia Ahli Sukarelawan Kampung Panaga 2000 diberikan taklimat dan penerangan ringkas semasa mengadakan lawatan ke asrama-asrama putera dan puteri, kelas bimbingan agama, bilik gerakan dan seumpamanya yang beroperasi sepanjang Program Khidmat Bakti Negara berlangsung di kem latihan PKBN.

Selamat telah dibacakan oleh Pegawai Ugama PKBN, Awang Abdul Qaiyum bin Haji Metussin.

PKBN Pengambilan Ke-5 baru saja memulakan sesi latihannya pada hari Ahad, 6 Disember lalu dan akan berakhir pada 14 Mac 2016.

Lawatan ke PKBN adalah yang julung-julung kalinya diadakan oleh MPK Mukim Seria bersama belia remaja Ahli Sukarelawan Kampung Panaga 2000.

Diharap lawatan seumpama itu akan diadakan dari semasa ke semasa

dan menjadi titik permulaan bagi MPK di daerah-daerah lain untuk mengadakan lawatan ke PKBN dan mendedahkan anak-anak buah kampung khususnya belia remaja dengan program kebeliaan yang terulung di negara ini.

# 25 pelatih ikuti Kursus Pemandu Jentera Berat

Oleh : Haniza Abdu Latif  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TANAH JAMBU**, Isnin, 14 Disember. - Seramai 25 pelatih telah berjaya terpilih untuk mengikuti Kursus Pemandu Jentera Berat Kelima sesi 2015 yang dijalankan selama lima bulan dan dijangka akan berakhir pada 15 April 2016 depan.

Sehubungan itu, Majlis Taklimat dan Penandatanganan Kontrak di antara pelatih kursus berkenaan dan Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd. telah berlangsung bertempat di Dewan Serambi, Pusat Pembangunan Belia (PPB), di sini.

Menandatangani bagi pihak Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd. ialah Timbalan Pengarah Am syarikat berkenaan, Awang Haji Mahmud bin Haji Idris, sementara mewakili bagi pihak PPB pula ialah Pemangku Penolong Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Terdahulu, para pelatih telah mendengarkan beberapa taklimat disampaikan oleh dua orang wakil dari Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan wakil dari Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd.

Kursus tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd. selaku konsultant dengan PPB, Jabatan Tenaga dan Institut Teknikal Brunei melalui penglibatan ahli-ahli Rangka Kerja Kompetensi Industri Tenaga (Energy Industry Competency Framework - EICF) dan disokong oleh JPKE iaitu di bawah Dana Sumber Manusia.

Daripada 25 pelatih yang terpilih, 12 pelatih adalah daripada pemohon yang memohon kursus berkenaan dari PPB dan 13 pelatih mereka yang sedang mengikuti kursus Industry Skill Qualification (ISQ)

Pemandu Profesional dari Pusat Latihan Mekanik.

Di antara isi kandungan kursus dan latihan dalam kursus ini adalah Kursus Induksi Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE), Kursus Asas Pertolongan Cemas 'First-Aid', Kursus Pandu Berhemah 'Defensive Driving', Kursus Pacuan Empat Roda '4WD', Kursus Pemanduan Bas, Kursus Pemanduan Trak Kelas 4 dan 5, Kursus Pemanduan Trailer Kelas 2 dan 11, Kursus Pengendalian 'Hiap Crane' dan Kursus Rigging dan Slinging.

Setelah semua pelatih ini menjalani latihan dan diiktiraf sebagai Pemandu Jentera Berat yang berkelayakan dan profesional, mereka akan didedahkan dengan pengalaman bekerja sebagai pemandu jentera berat di beberapa syarikat yang telah dikenal pasti.

Dengan pengalaman itu nanti adalah diharapkan agar para pelatih ini akan dapat menyesuaikan diri mereka dengan suasana pekerjaan sebenar.

Bagi syarikat-syarikat pengusaha pengangkutan jentera berat yang beroperasi di negara ini adalah dijemput untuk sama-sama menyumbang kepakaran mereka dalam mendukung usaha PPB amnya dan hasrat negara khususnya dalam menjana pekerja yang berkemahiran dan profesional terutama di dalam sektor pengangkutan ini.

Kerjasama syarikat-syarikat pengusaha pengangkutan jentera berat ini sangat diperlukan terutama ketika pelatih kursus ini menjalani fasa penempatan kerja yang akan bermula pada 16 April nanti.

Untuk maklumat lanjut bolehlah menghubungi Penyelaras Kursus Pemandu Jentera Berat, PPB, Awang



SERAMAI 25 orang pelatih terdiri daripada pemohon Kursus Pemandu Jentera Berat dari Pusat Pembangunan Belia (PPB) dan pelatih dari Pusat Latihan Mekanik (PLM) menandatangani kontrak perjanjian di antara pelatih dan Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd.

Haji Ruslan bin Haji Kurus, selaku Penolong Pegawai Latihan melalui talian 2393681/2 atau menghubungi Konsultant Kursus Pemandu Jentera Berat, Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd., Awang Mohamad Roshawadin @ Tom bin Kamaluddin, selaku Pengarah Latihan melalui talian 3332800 / 3332842 / 3332872.

Pihak PPB berharap semua pelatih akan memberi komitmen yang tinggi dan mempamerkan disiplin yang terbaik semasa menjalani latihan dan juga semasa fasa penempatan kerja ini nanti.

PELATIH-PELATIH yang dipilih untuk menandatangani kontrak perjanjian bersama Syarikat Latihan Megamas Sdn. Bhd. terdiri daripada peserta PPB dan juga peserta kursus Industry Skill Qualification (ISQ) Pemandu Profesional dari PLM. (kanan).



# UNISSA - UNIDA meterai MoU

Berita dan Foto : Ihsan UNISSA

## GONTOR, PONOROGO INDONESIA.

- Rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang terdiri daripada Rektor universiti berkenaan, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani bersama tujuh orang pembentang daripada tenaga akademik UNISSA telah menghadiri Seminar Institut Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI) di Universiti Darussalam Gontor pada 12 Disember 2015.

Seminar ini membawa tema 'Integration of Contemporary and Islamic Knowledge in Islamic

Universities' yang dianjurkan bersama oleh Universiti Darussalam Gontor Ponorogo (UNIDA), UNISSA, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Fatonni Thailand (UFT).

Selepas acara perasmian seminar, UNISSA dan UNIDA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU). UNIDA sebelum ini dikenali sebagai Institut Studi Islam Darussalam (ISID).

Bagi pihak UNISSA, MoU telah ditandatangani oleh Dr. Haji Norarfan, manakala Rektor UNIDA, Profesor Dr. Haji Amal Fathullah Zarkasyi menandatangani bagi pihak UNIDA (kanan).

menandatangani bagi pihak universiti berkenaan.

Sejurus majlis penandatanganan, sebanyak empat ucapama telah dibentangkan daripada keempat-empat institusi pengajian tinggi Islam (IPTI). Bagi pihak UNISSA, ucapama telah disampaikan oleh Dr. Abdul Nasir dengan tajuk 'Sumbangan Pengajian Islam Ke Arah Integrasi: Pengalaman UNISSA'.

**MENANDATANGANI** Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pihak UNISSA ialah Rektor universiti tersebut, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala Rektor UNIDA, Profesor Dr. Haji Amal Fathullah Zarkasyi menandatangani bagi pihak UNIDA (kanan).



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bersama ahli rombongan menyertai sesi bergambar ramai pada Seminar Institut Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI) di Universiti Darussalam Gontor Ponorogo (UNIDA).

Ucapama tersebut antaranya menyentuh mengenai usaha UNISSA dalam mengintegrasikan bidang ilmu agama dan bidang ilmu umum dalam pengisian kurikulum demi mencapai matlamat UNISSA melahirkan ulama yang terbilang, berpengetahuan luas, berketerampilan, berkemahiran dan seimbang dengan tuntutan duniawi dan ukhrawi, di samping mewujudkan sebuah tamadun yang berdiri megah di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, untuk memastikan hasil yang baik menjadi kenyataan, kecekalan, ketabahan, komitmen, dan kerjasama serius antara IPTI adalah penting.

Pada sebelah petang, telah diadakan mesyuarat tertutup antara keempat-empat rakan penganjur. Beberapa persetujuan telah dicapai dalam mesyuarat tersebut iaitu, SeIPTI Ke-4 akan dilangsungkan di UFT yang dijangka mengambil tempat pada bulan Disember 2016, di samping mobiliti pelajar, kursus Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, pertukaran staf, mewujudkan jurnal yang bertaraf scopus / ISI, juga pertukaran bahan dua cetak akademik.

## Peserta Bengkel Memakmurkan Masjid terima sijil

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

PEKAN MUARA, Isnin, 14 Disember. - Bengkel Memakmurkan Masjid Kali Ketujuh yang diadakan selama tiga hari bermula pada 12 Disember dan berakhir dengan Majlis Penutup Bengkel yang berlangsung di Masjid Setia Ali di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta bengkel yang terdiri daripada 50 belia dan beliawanis di kawasan tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Bengkel merupakan salah satu aktiviti ahli jawatankuasa masjid tersebut, di samping dapat mempelajari beberapa ilmu yang



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan sijil kepada belia dan beliawanis yang mengikuti Bengkel Memakmurkan Masjid Kali Ketujuh di Masjid Setia Ali (kiri dan kanan).



berfaedah melalui penyertaan beberapa kelas pengajian di masjid.

Terdahulu, Awang Haji Amir Hisham dalam ucapan alu-aluannya berkata, bengkel memakmurkan masjid yang telah diikuti oleh belia dan beliawanis ini adalah salah satu bengkel yang bermanfaat dan dapat memberikan ilmu pengetahuan kepada peserta di mana bengkel seumpama ini

SEBAHAGIAN daripada belia, beliawanis, pembengkel dan penjaga yang hadir pada Majlis Penutup Bengkel berkenaan (kiri sekali dan kiri).

dapat mengeratkan silaturahmi di kalangan belia dan beliawanis.

Dengan adanya bengkel ini, beliau percaya akan dapat mencapai hasrat dan tujuannya iaitu menggalakkan para belia dan beliawanis mendampingi masjid dan seterusnya memakmurkan masjid, mempelajari ilmu-ilmu yang berfaedah khususnya pembelajaran Al-Qur'an dan ilmu agama.

Majlis seumpama itu juga, katanya, akan dapat melahirkan para belia yang berilmu pengetahuan dalam tata tertib sembahyang serta bacaan yang baik untuk mencapai kesempurnaan dan kekhusyukan dalam sembahyang.

# Pameran Industri Kreatif Indonesia 2015

## Tingkat kerjasama perdagangan Brunei-Indonesia



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pameran Industri Kreatif Indonesia 2015 di The Mall, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Azmah Haji Ahad

**KEDUTAAN Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam mengadakan pameran tersebut untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua buah negara dengan mempromosikan produk-produk dari republik berkenaan, selain bertukar-tukar pandangan dalam kalangan ahli perniagaan daripada kedua-dua negara.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Disember.** - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar berkata, Komuniti Ekonomi ASEAN akan berkuat kuasa pada akhir tahun ini dan pada masa ini ia memberi laluan bagi kerjasama yang lebih kukuh antara Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara dan juga ASEAN.

Terdahulu, semasa berucap pada Majlis Pelancaran Pameran Industri

Kreatif Indonesia 2015 yang berlangsung di The Mall, Hotel Antarabangsa Rizqun, Puan Yang Terutama menjelaskan, pameran berkenaan bertujuan untuk memupuk kerjasama erat di antara kedua-dua buah negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran pameran tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong dan isteri.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dibawa melawat ke petak-petak pameran secara lebih dekat dengan diiringi oleh PYT Nurul Qomar.

Kedutaan Republik Indonesia di

Negara Brunei Darussalam mengadakan pameran tersebut untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua buah negara dengan mempromosikan produk-produk dari republik berkenaan, selain bertukar-tukar pandangan dalam kalangan ahli perniagaan daripada kedua-dua negara.

Pelbagai produk termasuk pakaian Muslim dan batik, makanan tradisional Indonesia, aksesori, kraf tangan dan sebagainya dijual pada pameran tersebut yang bermula 17 Disember dan berakhir sehingga 20 Disember dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan isteri semasa melihat sebahagian pameran yang diadakan pada Majlis Pelancaran Pameran Industri Kreatif Indonesia 2015.

## RB terima Anugerah Media Pelancongan

LONDON. - Penerbangan Diraja Brunei (RB) telah diisytiharkan sebagai pemenang anugerah 'Travel Media Innovative Campaign and

Content of The Year' dalam Majlis Anugerah Media Pelancongan Pertama pada 9 November 2015 di Hotel St. Pancras Renaissance,

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Penerbangan Diraja Brunei (RB)



Penerbangan Diraja Brunei (RB) diisytiharkan sebagai pemenang anugerah 'Travel Media Innovative Campaign and Content of The Year' di Majlis Anugerah Media Pelancongan Pertama pada 9 November 2015 di St. Pancras Renaissance Hotel, London, United Kingdom.

di sini.

Anugerah berprestij ini merupakan kempen kerjasama media sosial bagi menggalakkan RB dan Brunei Darussalam sebagai laluan atau pintu masuk ke Pulau Borneo.

Lebih khusus lagi, kempen ini menekankan Pulau Borneo sebagai destinasi ideal untuk berbulan madu bagi pasangan pengantin baru dari United Kingdom (UK) dengan menggunakan RB sebagai syarikat penerbangan pilihan.

Kemenangan RB dinilai oleh tokoh-tokoh berpengaruh dalam industri pelancongan dan penulis-penulis pelancongan terkemuka dari UK, yang mana RB bersaing sengit dengan beberapa agensi terkemuka yang lain termasuklah Royal Caribbean International dan Spanish Tourism Office.

Lebih daripada 52 juta pelawat daripada semua saluran media sosial dicatatkan dalam masa enam bulan kempen ini berjalan iaitu bulan November 2014 hingga April 2015.

RB telah bekerja rapat dengan Iambassador rangkaian blogger antarabangsa dan kepentingan pelancong tempatan dalam menjayakan pembuatan promosi.

Beberapa blogger pelancongan, makanan dan perkahwinan yang berpengaruh di UK, datang ke Brunei dan persekitaran Borneo menggunakan RB.

Kemudian blogger-blogger tersebut mendokumentasikan pengalaman mereka mengenai penerbangan RB dan destinasi dengan sangat positif melalui siri catatan blog dan aktiviti media sosial.

Timbalan Pengerusi RB, Dermot Mannion berasa gembira dengan penganugerahan yang berprestij tersebut dan ia merupakan kempen yang sangat berkesan dalam mempromosikan RB dan Brunei Darussalam.

Melalui pengaruh media sosial yang sedia ada, tambah beliau lagi, kempen ini adalah contoh positif dan berharap lebih banyak kejayaan yang sama akan dicapai pada masa akan datang.

Pengarah Iambassador UK, Sarah Lee berbangga kerana menganjurkan dan memimpin pasukan 'blogger' profesional yang berdedikasi, dan ini mendorong minat yang besar kepada pelanggan melalui pengisian kandungan yang menarik dan kesedaran jenama berskala besar.

RB merupakan syarikat penerbangan pertama di dunia yang menawarkan perkhidmatan B787 Dreamliner eksklusif kepada semua penumpang jarak jauh dan mengendalikan penerbangan harian daripada London Heathrow dengan sambungan ke 16 bandar raya di seluruh Asia Pasifik termasuk Melbourne, Kota Kinabalu, Bali dan Manila.

Anugerah Media Pelancongan adalah Kategori Anugerah Baharu sebagai penghargaan kepada penampilan kandungan yang terbaik terutamanya di media sosial.

Di samping itu, anugerah tersebut merupakan satu pengiktirafan akan peranan media pelancongan yang mempunyai pengaruhnya tersendiri dalam proses membuat keputusan percutian atau perniagaan pelancongan.

# Padi simbol budaya, perpaduan serantau

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

**P**ERTAMA sekali saya ingin mengalu-alukan kepada semua delegasi-delegasi istimewa daripada anggota-anggota negara ASEAN ke Negara Brunei Darussalam untuk Festival Padi ASEAN. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pengerusi dan jawatankuasa penganjur atas kesediaan mengundang saya di acara yang bermakna ini dan saya dengan sukacitanya merasmikan pelancarannya. Saya juga ingin memuji kepada semua yang terlibat dalam menayakan acara penting kebudayaan ASEAN ini.

Beras adalah makanan asasi bagi semua Komuniti ASEAN dan ia adalah luar biasa untuk menyatakan bahawa hampir setiap budaya mempunyai cara sendiri untuk menyampaikan dan memusatkan aktiviti kebudayaan mereka, di sekitar pengeluaran dan penggunaan beras. Prosedur yang berbeza menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan padi, sebenarnya, sebahagian daripada warisan budaya kita bersama. Lebih daripada 7,000 tahun, padi telah ditanam di Asia Tenggara dan oleh itu budaya dan penanaman yang ditunai sangat rapat dengan satu sama lain. Kebanyakan tumbuh-tumbuhan yang ditanam mempunyai cerita dongeng rakyat dan kepercayaan yang berkaitan dengan mereka, dan padi adalah tidak terkecuali. Ia digunakan dalam perayaan seperti festival, lukisan, lagu-lagu dan upacara keagamaan sebagai simbol kehidupan, kesuburan dan kemakmuran. Padi juga boleh menjadi simbol identiti budaya dan perpaduan serantau. Walaupun ritual dan kepercayaan sekitar penanaman padi dan penggunaan tenaga mungkin berbeza-beza di seluruh Asia Tenggara, rantau ini berkongsi konsep menghormati padi khas ini, yang sering disampaikan dan dinyatakan melalui perayaan dan ritual. Oleh itu, budaya berpadi boleh dianggap sebagai sebahagian daripada identiti bersama dan warisan di seluruh Asia Tenggara. Tema perayaan yang dipilih 'Meraikan Padi Sebagai Warisan Budaya' sudah pasti penuh bermakna dan mempunyai kepentingan.

Pada kebanyakan negara ASEAN, padi adalah sumber kehidupan. Setiap Komuniti ASEAN mempunyai perayaan sendiri, ritual dan kepercayaan mereka berkenaan dengan padi, bermula dari penanaman benih padi sehingga aktiviti penuaian. Kemuncak sambutan padi adalah musim selepas musim menuai yang mana dalam konteks Negara Brunei Darussalam, sambutan musim selepas musim menuai adalah dengan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas penuaian padi yang banyak dan ini akan membolehkan para penanam padi untuk melaksanakan tanggungjawab zakat mereka.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa berucap pada Majlis Perasmian Festival Padi ASEAN di Hotel Starlodge pada hari Selasa, 19 Safar 1437 Hijrah / 1 Disember 2015 Masihi.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :  
Hajah Musmariani Haji Mohammad

Selain itu, perayaan penuaian ini merupakan masa bagi seluruh masyarakat datang bersama-sama dan mengambil bahagian sebagai satu keluarga besar dalam semangat bergotong-royong atau membantu antara satu sama lain.

Upacara-upacara ini datang dari pelbagai bentuk dan menjadikan kebanyakan budaya dan pengalaman sosial yang ingin dikongsi semasa Festival ASEAN di Negara Brunei Darussalam selama dua hari ini. Oleh itu, saya percaya bahawa festival ini juga boleh menjadi pemangkin dalam mempromosikan warisan dan budaya bersama, dan membentuk satu ikatan budaya yang lebih kukuh dalam komuniti.

Hari ini, penglibatan masyarakat pada masa ini dalam pengeluaran beras secara langsung dalam kehidupan harian mereka adalah semakin berkurang termasuk di Negara Brunei Darussalam, yang menyebabkan kemerosotan aktiviti penanaman padi berbanding dengan masa lalu. Kita lupa upacara Perakong oleh puak Belait dan Makan Tahun dari puak Kedayan. Kedua-dua upacara adalah berkaitan selepas tuai perayaan bagi kedua-dua puak pihak. Saya percaya ramai masyarakat

di rantau ini juga mengalami kejadian sama.

Dengan penekanan dan inisiatif pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap sara diri padi negara, aktiviti penanaman padi kini telah mula dihidupkan lagi dengan harapan festival ini juga akan dihidupkan semula. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab, saya amat menyokong usaha yang diambil oleh institusi-institusi dan organisasi-organisasi yang berkaitan untuk memulihkan dan memelihara warisan budaya kita yang kaya khususnya yang berkaitan dengan padi. Saya memuji usaha yang dilakukan oleh Jabatan Muzium dalam menganjurkan festival ini, dengan bantuan kewangan daripada Sekretariat ASEAN, bukan sahaja untuk menggalakkan kerjasama dan persefahaman antara masyarakat dari negara-negara anggota ASEAN untuk berkongsi pelbagai latar belakang budaya tetapi juga penting bagi kita untuk memelihara dan memupuk persefahaman budaya dan warisan bersama demi kepentingan generasi akan datang.

Saya gembira untuk menyatakan bahawa perayaan ini akan memberikan peluang kepada orang ramai terutamanya dalam kalangan belia-belia untuk menyaksikan persembahan mengenai Festival Padi oleh delegasi anggota-anggota negara ASEAN semasa acara dua hari ini. Sebagai pengeksport global utama beras, selain bertambah yang ditentukan oleh kaedah pengeluaran besar-besaran, ia adalah penting untuk menerangi rohani dan dimensi kebudayaan bagi kegiatan berpadi yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda kita pada budaya berpadi kita yang kaya, terutamanya makanan asasi kita, supaya dapat dilihat sebagai lebih bernilai daripada makanan semata-mata untuk digunakan. Ini juga dilakukan untuk menyokong dan melaksanakan objektif strategik pelan tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) berkaitan dengan pemeliharaan dan promosi warisan budaya ASEAN, seperti untuk menggalakkan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya ASEAN, bagi memastikan kesinambungan, meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang persamaan dan perbezaan budaya antara / dalam kalangan negara anggota ASEAN, serta untuk melindungi keunikan warisan budaya ASEAN secara keseluruhannya.

Dengan itu, saya berharap upacara awda semua berhasil dan berjaya serta kepada delegasi anggota-anggota negara ASEAN, semoga awda selesa semasa berada di Negara Brunei Darussalam.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim, saya sukacitanya merasmikan Festival Padi ASEAN dibuka. Terima kasih.

Wabillahir Taufik Walhidayah  
Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Dari Sidang  
Pengarang.

19 DISEMBER 2015 BERSAMAAN 1437 ربيع الأول 7

## PERBANYAKKAN SELAWAT KE ATAS RASULULLAH

**A**LHAMDULILLAH, kini sudah beberapa hari kita berada pada bulan Rabiulawal, bulan di mana Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diputerakan. Pada kelazimannya, bulan ini disemarakkan dengan berbagai-bagai majlis keagamaan seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-suruau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, di samping diisi juga dengan syarahan-syarahan, forum-forum khas agama dan bermacam-macam lagi aktiviti-aktiviti keagamaan yang lain semata-mata untuk membesarkan dan memperingati hari kelahiran dan keagungan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh yang demikian, kita sebagai umat Islam sewajarnya mengenang jasa yang cukup besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah Baginda curahkan bagi menyelamatkan umat manusia daripada dari alam kejahilan kepada hidup bertamadun, dari kebatilan kepada kebenaran. Oleh itu, kepimpinan dan akhlak Baginda hendaklah kita contohi dan teladani kerana jika kita hanya memperingati hari keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sedangkan segala tunjuk ajar dan kepimpinan Baginda tidak kita turuti maka ia tidak akan mendatangkan sebarang perubahan kepada diri kita.

Di samping kita mengambil iktibar dan pengajaran yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, agama Islam juga menuntut ummahnya agar mengingati Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan selawat. Hal ini kerana berselawat adalah doa dan sanjungan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56, tafsirnya : "Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan menghormatinya yang sepenuhnya."

Perlu diingat juga, janganlah kita memperbanyakkan berselawat itu pada bulan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja bahkan amalan berselawat tidak terbatas pada waktu, bulan atau musim tertentu sahaja. Maka amalkanlah berselawat ini kerana amalan selawat banyak fadilat dan kelebihannya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman turut menyeru kepada umat Islam di negara ini untuk memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga acara kemuncak secara besar-besaran dan serentak di seluruh negara pada 12 Rabiulawal 1437 Hijrah bersamaan 24 Disember 2015 Masihi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menekankan perkara tersebut semasa perjumpaan dan taklimat berhubung dengan sambutan peringkat negara bersama wakil ketua-ketua pasukan di Dewan Multaqa, Bangunan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di samping itu, kata Yang Berhormat, sambutan Maulud Rasul dapat bertahan dengan baik dan masih giat diteruskan dari generasi ke generasi adalah kerana ia menunjukkan keyakinan yang kuat dalam kalangan generasi Islam pada masa dahulu dan sekarang dalam keagamaan.

Jelas Yang Berhormat, tambahan didorongi oleh suatu pengajaran dalam ugama bagi memperingati hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah selaras dengan kehendak-kehendak dalam ajaran Islam untuk memuliakan Baginda Rasulullah sebagaimana Allah mengangkat darjat dan memuliakan Rasulullah.

Oleh itu, sama-samalah kita mengingati dan mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan selawat dan menyertai mana-mana majlis keagamaan dan perarakan Maulud Rasul sebagai tanda cinta dan kasih kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. - Ketua Penyuntingan (Rd)

Ramalan Cuaca Tiga Hari	SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN	31°C 25°C	32°C 25°C	31°C 25°C
MUARA	32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
PEKAN BANGAR	31°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
PEKAN TUTONG	32°C 25°C	32°C 25°C	32°C 25°C
PEKAN SERIA	31°C 25°C	31°C 25°C	32°C 25°C
KUALA BELAIT	31°C 25°C	31°C 25°C	32°C 25°C

Walaupun Bismillah  
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
Telefon: Talian Cuaca 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Abu Bakar Haji Abd. Rahman,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Marlinawaty Hussin,  
Ak. Sy'aruddin Pg. Dauddin

### Ketua Bahagian Pelita Brunei

Hajah Zabaidah Haji Salat

### Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani,  
Samle Haji Jait

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahanisah Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Penyuntingan

Samle Haji Jait,  
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Abdullah Asgar

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Mohammad bin Kahar

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Nornasyirah Nordin,  
Muhammad Hafizhuddin Tasad

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDMC  
2380214